

## **BAB DUA**

### **KONSEP ZAKAT PENDAPATAN**

#### **2.1. Pendahuluan**

Dalam kitab fiqh klasik tidak terdapat penerangan secara terperinci berkenaan zakat pendapatan, bahkan tidak terdapat perbincangan mengenai hukum kewajipan zakat tersebut apatah lagi konsep haul, nisab dan kadar zakat berkenaan. Namun apa yang ada hanya konsep zakat *al-māl al-mustafād* yang dijadikan landasan oleh kaum intelektual Islam dalam berijtihad menetapkan kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan. Konsep ini bermaksud mengenakan zakat ke atas mana-mana perolehan harta yang bukan disebabkan pelaburan seperti hibah, hadiah, pusaka dan sebagainya, ianya mencakupi semua jenis harta yang diperoleh samada dalam bentuk wang, emas, perak, binatang ternakan dan lain-lain. Secara keseluruhan, tidak banyak perselisihan pendapat dalam kalangan ulama terdahulu atas kewajipan mengeluarkan zakat *al-māl al-mustafād*, yang ada hanyalah perselisihan pendapat berkenaan persyaratan haul ke atas zakat tersebut di antara yang mensyaratkannya dan yang tidak.

Walaupun zakat pendapatan sudah diketahui umum dan sedang giat dilaksanakan oleh kebanyakan lembaga zakat di negara-negara Islam tapi masih lagi ada golongan yang tidak menerima pelaksanaan zakat tersebut. Mujaini Tarimin menjelaskan bahawa tanggapan masyarakat terhadap pelaksanaan zakat ini terbahagi kepada tiga golongan. Iaitu: *Pertama*, golongan yang tidak menerima kewajipan zakat pendapatan dari segi hukumnya dengan anggapan tidak diasaskan atas nas-nas yang benar. *Kedua*, golongan yang menerima zakat pendapatan berasaskan kepada hujah kemaslahatan (*mashlahah*).

Zakat ini ada kepentingan umum dan khusus kepada kebajikan penzakat dan penerimanya. Dan *ketiga*, golongan yang mewajibkan zakat ke atas pendapatan berdasarkan kepada nas wahyu al-Qur'an dan al-Hadith.<sup>1</sup> Walaupun demikian, golongan yang menerima hukum kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan masih lagi berbeza pandangan berkaitan syarat haul, jumlah nisab dan kadarnya ke atas zakat tersebut.

Pemerintah Indonesia telah mengiktiraf zakat pendapatan sebagai suatu kewajipan. Kewajipan ini termaktub dalam undang-undang pengurusan zakat Indonesia.<sup>2</sup> Ketetapan yang sama juga terdapat di dalam kanun pengurusan zakat di Aceh.<sup>3</sup> Walaupun zakat ini telah diterima umum dan dikuatkuasakan melalui undang-undang, namun masih terdapat pendapat yang tidak menerima kewajipan zakat tersebut. Antara penyebab penolakannya adalah tidak adanya nas dari al-Qur'an dan al-Hadith yang jelas dan tegas yang menunjukkan kewajipan ke atas zakat pendapatan seperti yang difahami hari ini, begitu juga tidak terdapat penerangan yang jelas dan tegas atas kewajipan zakat ini dalam kalangan ulama-ulama mazhab, terutamanya Mazhab Syafi'i sebagai pegangan majoriti masyarakat di Aceh. Dalam mazhab Syafi'ie tidak terdapat perbincangan langsung berkaitan zakat gaji dan pendapatan profesional yang ada hanyalah zakat ke atas wang simpanan dan zakat ini memerlukan kepada cukup nisab dan haul.

Dalam bahagian ini kajian akan terfokus menjawab permasalahan di atas dengan menjelaskan konsep zakat pendapatan yang merangkumi ruang lingkup, dalil, pendapat-pendapat ulama, syarat haul dan ketentuan nisab serta kadar berkenaan zakat pendapatan.

---

<sup>1</sup> Mujaini bin Tarimin, "Perlaksanaan Zakat Pendapatan dan Permasalahannya," (Kertas kerja II Seminar Perlaksanaan Zakat Pendapatan, di Auditorium Seri Negeri Air Keroh, Melaka, 26 Jun 2000), 3.

<sup>2</sup> Telah ditetapkan di dalam undang-undang pengurusan zakat Indonesia nomor 23 tahun 2011 di dalam bab I ketentuan umum pasal 4.

<sup>3</sup> Kanun Aceh nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Memuat tentang kewajipan zakat pendapatan pada bab IV zakat, bahagian kesatu tentang kewajipan zakat pasal 18 ayat kedua.

Pada akhir perbahasan nanti akan dikemukakan pendapat yang tepat dan selamat berkaitan hukum kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan beserta alasan-alasannya. Perbahasan ini sangat penting dijelaskan terlebih dahulu kerana ianya menjadi teras bagaimana pengutipan zakat itu dijalankan di suatu lembaga zakat.

## 2.2. Ruang Lingkup Zakat Pendapatan

Yusuf al-Qaraḍāwī telah menjelaskan ruang lingkup zakat pendapatan dengan membahagikan kepada dua bentuk pendapatan iaitu zakat pendapatan dalam bentuk gaji dan pendapatan ahli profesional/bebas. Pendapatan dalam bentuk gaji merupakan perolehan daripada hasil pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang untuk pihak lain samada kerajaan, syarikat atau perseorangan dengan memperoleh upah atau gaji sebagai ganjaran dari pekerjaan tersebut. Sementara pendapatan ahli profesional/bebas pula merupakan perolehan dari hasil pekerjaan yang dilakukan sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain kerana kemahiran tangan ataupun minda, seperti penghasilan seorang doktor, peguam, seniman, tukang jahit, tukang kayu dan lain sebagainya.<sup>4</sup> Pembahagian dua bentuk pendapatan ini juga diperbahaskan juga oleh banyak ulama lain, antaranya ialah Wahbah Zuḥaylī,<sup>5</sup> Husain Syahātah,<sup>6</sup> Muhammad Kamal ‘Athiyah<sup>7</sup> Mujaini bin Tarimin<sup>8</sup> dan beberapa ulama’ lainnya. Dengan demikian, pengenaan zakat ke atas dua

---

<sup>4</sup> Yusuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafātihā fī Ḍaw’i al-Qur’ān wa al-Sunnah* (cet. Ke-22, Kaheerah: Matabah Wahbah, 2003), 1:519.

<sup>5</sup> Wahbah al-Zuḥaylī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, (Beirūt: Dār al-Fikr, 1984), 2:866.

<sup>6</sup> Husain Syahātah, *Muhāsabah al-Zakāh, Maḥūman wa Nizāman wa Taḥqīqan*, (Kaheerah: Dār al Tauzi‘ wa al-Nasyr, t.t.), 256.

<sup>7</sup> Muhammad Kamal ‘Athiyah, *Perakaunan Zakat, Teori dan Praktiks*, terj. Mohd Nor Ngah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pusaka, 1995), 69 dan 124. Dalam hal ini beliau membezakan perbahasan zakat gaji dengan zakat pendapatan bebas kerana kadar yang ditetapkan ke atas kedua bentuk pendapatan ini berbeza.

<sup>8</sup> Mujaini bin Tarimin, *Zakat Pendapatan (al-Māl al-Mustafād)* (Kuala Lumpur: Khaisha Services Sdn Bhd, 1999), 149.

bentuk pendapatan di atas itulah yang menjadi ruang lingkup perbahasan zakat pendapatan.

Menurut Mohd Fadzir bin Abd. Jalil, beliau mendefenisikan zakat pendapatan sebagai zakat ke atas hasil pendapatan atau pulangan yang berbentuk upah, gaji, hadiah ganjaran, pampasan atau pemberian daripada kerajaan atau bukan kerajaan sebagai balasan perkhidmatan yang telah diberikan berdasarkan tempoh masa seperti setiap tahun, bulan, minggu atau semasa bersara atau setelah mati atau berdasarkan kerjaya seperti perubatan, kawalan keamanan, guaman dan lain-lain dengan syarat pulangan atau pendapatan yang diperolehinya itu bukan disebabkan keuntungan pelaburan atau perniagaan.<sup>9</sup> Mujaini Tarimin pula menyatakan bahawa zakat pendapatan ialah zakat ke atas pendapatan baru yang tidak tertakluk kepada mana-mana struktur nas dan dalil harta yang dikenakan zakat. Kewajipan mengeluarkan zakat itu akan melibatkan secara langsung dengan pendapatan gaji, elaun, subsidi, pendapatan ahli profesional dan pendapatan pindahan.<sup>10</sup>

Berdasarkan defenisi di atas dapat disimpulkan bahawa yang menjadi ruang lingkup perbahasan zakat pendapatan adalah pengenaan zakat ke atas pendapatan yang berbentuk penggajian ataupun dalam bentuk pendapatan ahli profesional/bebas. Pendapatan dalam bentuk gaji merupakan upah atau pendapatan yang diperolehi kerana membuat sesuatu kerja untuk pihak lain seperti kerajaan, swasta dan orang perseorangan. Sedangkan Pendapatan profesional/bebas merupakan pendapatan seseorang melalui

---

<sup>9</sup> Mohd Fadzir bin Abd. Jalil, "Konsep Potongan Gaji Bagi Zakat Pendapatan Dan Penyelarasan Cukai Pendapatan" (kertas kerja III seminar pelaksanaan zakat pendapatan, penganjur Pusat Zakat Melaka di Auditorium Seri Negeri air keroh, Melaka, 26 Jun 2000), 1.

<sup>10</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 149.

sesuatu kerja atau usaha kepakaran ataupun perkhidmatan yang dilakukan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, yang juga disebut sebagai keuntungan daripada pekerjaan bukan perniagaan. Ia merupakan hasil daripada usaha yang berbentuk fizikal atau berbentuk akal fikiran.

### **2.2.1. *Al-Māl al-Mustafād* sebagai Asas Pandangan.**

Yusuf al-Qaradāwī menjadikan *Al-māl al mustafād* sebagai asas pandangan di dalam menetapkan segala konsep yang berkaitan dengan zakat pendapatan.<sup>11</sup> Konsep *al-māl al-mustafād* ini adalah apa jua bentuk harta yang diperolehi bukan disebabkan oleh hasil pelaburan atau perniagaan daripada harta sedia ada. Akan tetapi ia diperolehi dengan cara yang disyariatkan seperti hadiah, harta pusaka, wasiat, bonus, pemberian sebagai ganjaran perkhidmatan yang halal dan sebagainya. Harta-harta yang diperolehi secara haram seperti mencuri, merompak, judi, riba dan lain-lain tidak termasuk dalam *al-māl al-mustafād*.

Terdapat tiga jenis *al-māl al-mustafād*, iaitu: *Al-'amālah*, yang bermaksud pendapatan yang diperolehi dalam bentuk upah atau gaji atas pekerjaan tertentu. Kedua, *al-'athiyah*, iaitu suatu pemberian seperti bonus atau elaun tetap yang diterima secara teratur ataupun tidak. Ketiga, *al-mazālim*, iaitu jenis harta yang disita secara tidak sah oleh penguasa terdahulu dan telah dianggap hilang oleh pemilik asalnya. Jika sekiranya harta tersebut dikembalikan kepada pemilik asalnya, maka harta tersebut dikategorikan

---

<sup>11</sup> Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 519.

sebagai harta yang diperoleh dengan pemilikan baru, oleh kerana itu ia wajib dikeluarkan zakat.<sup>12</sup>

Tidak terdapat perbincangan secara tepat dan serius berkaitan dengan zakat gaji dan pendapatan dalam penulisan lama hukum Islam disebabkan soal gaji dan pendapatan belum bergitu popular pada saat itu. Pendapatan ahli profesional mungkin tidak seberapa berbanding dengan keuntungan daripada perniagaan atau hasil pertanian dan perternakan. Oleh itu, Yusuf al-Qaraḍāwī menjadikan perbincangan mengenai zakat *al-māl al-mustafād* sebagai landasan pijakan terhadap zakat gaji dan pendapatan profesional. Maka apa sahaja yang menjadi perbincangan berkaitan zakat *al-māl al-mustafād* ini menjadi panduan kepada zakat pendapatan seperti difahami hari ini. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti persyaratan haul, nisab dan juga kadar zakat tersebut.

### **2.3. Hukum Zakat Pendapatan: Pandangan Ulama Mazhab**

Pada perbincangan sebelum ini kita telah menjelaskan ruang lingkup zakat pendapatan dan konsep *al-māl al-mustafād* sebagai asas pandangan kepada zakat pendapatan. Kita juga telah membincangkan secara terperinci konsep *al-māl al-mustafād*. Tidak terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama terdahulu atas kewajipan mengeluarkan zakat tersebut, kecuali perbezaan pandangan terhadap haulnya. Dalam bahagian ini akan dijelaskan secara lengkap perbincangan di kalangan ulama mazhab berkaitan hukum kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan atau *al māl al mustafād*.

---

<sup>12</sup> Asmuni Mth., “Zakat Profesi Dan Upaya Menuju Kesejahteraan Sosial” (kertas kerja seminar dalam rangka pengukuhan pengurus Badan Amil Zakat (BAZDA) Lombok Timur, 18 November 2006), 4.

Secara umum, semua ulama mazhab yang empat iaitu Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Hanbali dan Imam Syafe'i bersetuju harta perolehan (*al-māl al-mustafād*) seperti upah, hadiah, ganjaran dan seumpamanya samada harian, mingguan, bulanan, dan tahunan dikeluarkan zakatnya apabila mencapai nisab. Pendapatan ini termasuklah kepakaran diri, berkerja sendiri, dengan majikan atau sebarang usaha yang boleh mendatangkan pendapatan yang mencukupi syarat untuk mengeluarkan zakat.

Pandangan Imam Abu Hanifah berkenaan zakat perolehan (*al-māl al-mustafād*), di mana beliau menyatakan adanya kewajipan terhadap harta tersebut setelah cukup setahun ataupun tidak. Jika harta perolehan tersebut cukup setahun maka ia diwajibkan zakat dengan segera. Dalam waktu yang sama, jika terdapat harta yang lain seperti emas, ternakan, atau hasil pertanian yang telah cukup setahun maka hendaklah dikeluarkan zakatnya sekali dengan harta perolehan tersebut jika mencukupi nisabnya.<sup>13</sup>

Menurut Imam Malik pula, beliau berpendapat bahawa harta perolehan (*al-māl al-mustafād*) juga diwajibkan ke atasnya zakat setelah mencapai setahun haul. Jika harta perolehan itu dalam bentuk binatang ternakan seperti kambing atau lembu atau seumpamanya maka ia wajib dikeluarkan zakat bersama-sama dengan binatang ternakan miliknya sendiri apabila mencapai tempoh setahun dan cukup nisab.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā* (Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-‘Arabiyyah, 1968), 5:410.

<sup>14</sup> *Ibid.*

Sementara menurut Imam Syafe'i pula, harta perolehan itu dikeluarkan zakatnya apabila cukup tempoh setahun dan cukup nisab biarpun dalam waktu yang sama ia memiliki harta yang sejenis dengannya yang telah cukup nisab.<sup>15</sup>

Bagi Imam Ahmad bin Hanbal, kewajipan mengeluarkan zakat daripada harta perolehan ini diqiyaskan kepada wang sewaan rumah. Pandangan ini dijelaskan oleh Ibnu Qudāmah dengan mengatakan bahawa berkemungkinan apa yang dimaksudkan dengan “wang sewaan rumah” oleh Imam Ahmad bin Hanbal ialah sewaan bagi tempoh setahun yang tertangguh dan harga baru dibayar pada akhir tahun. Ini kerana pemilik tersebut telah memiliki wang berkenaan sejak dari awal tahun lagi.<sup>16</sup>

Berdasarkan keempat-empat pendapat Imam mazhab di atas menunjukkan bahawa mereka bersepakat atas kewajipan zakat perolehan (*al-māl al-mustafād*). Namun perbincangan mereka hanya menjurus kepada perbincangan haul dan nisab sahaja. Kita perlu menerangkan disini bahawa penerimaan konsep *al-māl al-mustafād* sebagai asas kepada zakat pendapatan terjadi perbezaan pendapat dalam kalangan oleh ulama-ulama mutakhir. Ada sebahagian mereka menjadikan *al-māl al-mustafād* sebagai asas pandangan terhadap zakat pendapatan dan terdapat juga yang sebaliknya. Hal ini telah menyebabkan perselisihan pendapat dalam kalangan ulama samada mewajibkan zakat ini ataupun tidak. Perbincangan ini akan kita sampaikan secara terperinci pada bahagian yang seterusnya.

---

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:35.



## 2.4. Hukum Zakat Pendapatan: Pandangan Ulama Mutakhir

Terdapat dua pandangan terhadap hukum zakat pendapatan di kalangan ulama mutakhir, iaitu yang mewajibkannya dan yang tidak mewajibkannya. Yang mewajibkan zakat ini menjadikan *al-māl al-mustafād* sebagai asas pandangan. Ulama yang pertama menyatakan hal tersebut ialah Yusuf al-Qaraḍāwī dan kemudian diikuti oleh kebanyakan ulama lainnya, antaranya Abu Bakar Jābir al-Jazāiri,<sup>17</sup> Muhammad Sa'īd Wahbah, Abd al-'Azīz Jamjum,<sup>18</sup> Muḥammad Kamāl 'Aṭīyah,<sup>19</sup> Sulṭān Muḥammad bin 'Ali Sulṭān,<sup>20</sup> Maḥmud Abū al-Sa'ūd,<sup>21</sup> Maḥmūd 'Aṭīf al-Banna,<sup>22</sup> Monzer Khaf,<sup>23</sup> Yaḥyā Aḥmad Mustafā Qalīlī,<sup>24</sup> Jum'ah Muḥammad Makkī,<sup>25</sup> Muḥammad al-'Iqlah, Mujaini Tarimin<sup>26</sup> Didin Hafiduddin dan lain-lainnya. Para cendekiawan tersebut mewajibkan zakat pendapatan berdasarkan kepada nas al-Qur'an, hadith dan ijtihad dengan hujah masalahah. Zakat ini ada kepentingan umum dan khusus kepada kebajikan pembayar zakat dan penerimanya.

<sup>17</sup> Abū Bakr Jābir al-jazā'irī, *al-Jamāl fī Zakāt al-'Amāl* (Madinah: Muṭābi' al-Rasyīd, 1982), 33.

<sup>18</sup> Muḥammad Sa'īd Wahbah dan 'Abd al-'Azīz Jamjūm, *al-Zakāh fī al-Mizān* (Jeddah: Tuhamah li al-Nasyr, 1988), 233.

<sup>19</sup> Muḥammad Kamāl 'Aṭīyah, *Hālāt Taḥbiqiyah fī al-Zakāh* (Iskandariyah: Mansya'ah al-Ma'ārif, 1988), 71-75.

<sup>20</sup> Sulṭān Muḥammad bin 'Ali Sulṭān, *al-Zakāh, Taḥbiq Muhāsabī* (Riyāḍ: Dār al-Ma'ārik li al-Nasyr, t.t.), 199.

<sup>21</sup> Maḥmud Abū al-Sa'ūd, *Fiqh al-Zakāh al-Mu'āṣir*, cet. 2, (Kuwait: Dār al-Qalam li al-Nasyr wa al-Tauzi', 1992), 146-147.

<sup>22</sup> Maḥmūd 'Aṭīf al-Banna, *Nizām al-Zakāh wa al-Ḍarā'ib fī al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah*, cet. 1, (Riyāḍ: Dār al-'Ulūm, 1983), 176.

<sup>23</sup> Monzer Khaf, *al-Mawād al-'Ilmiyyah li al-Barnāmiḡ al-Tadrīb 'ala Taḥbiq al-Zakāt fī Muḡtama' al-Islāmī al-Mu'āṣir*, cet.1 (Jeddah: al-Ma'had al-Islāmī li al-Buḡūth wa al-Tadrīb, al-Bank al-Islāmī li al-Tanmiyyah, 1985), 73.

<sup>24</sup> Yaḥyā Aḥmad Mustafā Qalīlī, *Dirāsāt fī al-Zakāh wa al-Muḡṣabah al-Ḍarībah, ma'a al-Taḥbiq 'ala Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah*, (Riyāḍ: Dār al-Ma'ārik, t.t.), 73.

<sup>25</sup> Jum'ah Muḥammad Makkī, *Zakāt al-Amwāl wa Kaiḡiyati Adā'ihā fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Kaherah: Dār al-Hudā, t.t.), 199-204.

<sup>26</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 63-84.

Sementara golongan yang tidak mewajibkan zakat pendapatan pula menegaskan bahawa zakat pendapatan tiada dalil tetapi orang yang berkemampuan adalah digalakkan menyumbang kepada individu/lembaga. Pemberian itu dianggap sumbangan sahaja bukan zakat kerana zakat adalah ibadah yang tidak boleh di tokok-tambah. Jenis-jenis zakat sudah termaktub dalam nas wahyu yang mantap. Pendapat ini sama seperti yang telah diungkapkan oleh Kauthar Al-Abjī dan Rāfiq Yūnus al-Misrī.<sup>27</sup>

Perbezaan pendapat ini didorong oleh beberapa alasan, antaranya perbezaan pendapat dalam mengukuhkan nas al-Qur'an mahupun hadith sebagai landasan zakat. Sebahagian ulama menyatakan terdapat nas *sharih* (jelas) atas kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan dan sebahagian yang lain menyatakan sebaliknya. Alasan selanjutnya adalah sebahagian ulama beranggapan bahawa pendapatan seperti ini belum ada pada zaman Rasulullah SAW. Walaupun ada yang disebut dengan istilah *al-'Aṭa'* namun tidaklah sama dengan apa yang berlaku sekarang, dan selanjutnya adalah penolakan terhadap qiyas zakat pendapatan kepada zakat *al-māl al-mustafād* sebagai asas pandangan dan konsep dasar.<sup>28</sup>

Golongan yang tidak mewajibkan zakat ini telah menyatakan beberapa alasan. *Pertama*, Sesungguhnya perolehan harta daripada gaji dan pendapatan golongan profesional sudah ada pada zaman Rasulullah SAW dan khalifah setelahnya. Maka apabila ia merupakan suatu kewajipan maka akan turun nas al-Qur'an ataupun pernyataan daripada Rasulullah SAW untuk mewajibkan zakat tersebut. Ini bererti tidak ada nas yang

---

<sup>27</sup> Kauthar al-Abjī “*Muhāsabah al-Zakāt wa al-Ḍarā'ib fī Daulah al Imārāt al-'Arabiyyah*” cet. 1 (Dubai: Dār al-Qalam, 1987), 73.

<sup>28</sup> Al-Ḥasan 'Umar Musā'id, “Zakāt al-Rawātib wa al-Ujūr wa Irādāt al-Mihn al-Ḥurrah” (Majalah Universiti Malik Su'ūd, Saudi Arabiyah, 2002), 3.

mewajibkan zakat pendapatan. *Kedua*, qiyas zakat ini kepada zakat *al-māl al mustafād* adalah tidak tepat. Jika sekiranya ia boleh dijadikan sandaran maka ulama-ulama terdahulu tentunya telah lebih awal menggunakan pengkiasan ini, namun kenyataannya tidak demikian. *Ketiga*, zakat ini digolongkan kepada zakat wang, kerana kebanyakan pendapatan diterima dalam bentuk wang, apabila ianya diwajibkan juga atas nama zakat pendapatan maka akan terjadi kewajipan berganda atas harta yang sama. *Keempat*, zakat pendapatan sebenarnya sama dengan pelaksanaan cukai, maka tidak wajar menggabungkan zakat dengan cukai yang hanya membebankan pembayar zakat. Di samping itu juga, zakat adalah suatu kewajipan yang Allah SWT tetapkan manakala cukai adalah rekaan manusia sahaja.<sup>29</sup>

Golongan yang mewajibkan zakat berpendapat walaupun belum ditemui nas secara jelas dan pasti (*sharih*), namun zakat wajib dikeluarkan ke atas harta tersebut. Ini kerana Allah SWT sebenarnya telah menetapkan hukumnya berasaskan kepada kaedah *al-Qawā'id al-Kulliyah* daripada ayat-ayat al-Qur'an. Oleh sebab itu, penganalisaan yang mendalam amat penting dengan penilaian nas yang mesti dilihat berdasarkan analisis bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an dan hadith (*Qawā'id Lughawiyah*), terutamanya pengertian bahasa yang bersumberkan daripada sahabat dan tabi'in, Selain itu, kita juga perlu memberi tumpuan lebih kepada penganalisaan nas berpandukan kepada ilmu usul al-fiqh, 'ulum al-Qur'an, 'ulum al-Hadith dan berpandukan kepada kaedah *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Melalui langkah ini maka kewajipan zakat pendapatan akan menepati hukum Islam<sup>30</sup>.

---

<sup>29</sup> *Ibid.* 6-11.

<sup>30</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 63.

Berikut akan dijelaskan bagaimana dalil-dalil kewajiban zakat pendapatan berdasarkan al-Qur'an, hadith dan athar, penggunaan qiyas kepada zakat *al-māl al-mustafād* dan konsep berdaya maju (*al-namā'*) yang menjadi prasyarat zakat pendapatan yang diutarakan oleh golongan yang mewajibkan zakat.

## 2.5. Dalil Wajib Zakat Pendapatan

### 2.5.1. Dalil al-Qur'an

Ulama yang mewajibkan zakat pendapatan ini menjadikan al-Qur'an, Hadith dan Qiyas sebagai dalil kewajiban mengeluarkan zakat pendapatan. Asas kajian dalil al-Qur'an berkaitan dengan zakat ini ialah perkataan "harta" yang disebut di dalam al-Qur'an dengan "*māl*" atau dalam bentuk jamaknya "*amwāl*". Kedua-dua kalimah Arab tersebut memberi pengertian yang sangat luas yang tidak terhad kepada sesuatu jenis harta sahaja kecuali terdapat dalil ataupun kontek lain yang mengkhususkannya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا  
الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ

Terjemahan:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Nafkahkanlah (keluarkan zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang kamu keluarkan daripada hasil bumi dan jangan kamu pilih yang buruk-buruk, padahal kamu sendiri tidak menyukainya. Ketahuilah Allah maha kaya lagi sentiasa terpuji.”*

Surah al-Baqarah (2):267

Fakta penting yang dibincangkan dalam ayat ini adalah pada perkataan مَا كَسَبْتُمْ (setiap apa jua yang kamu usahakan). Kalimah “*al-kasb*” mengikut pengertian bahasa bererti mencari atau mengumpulkan harta,<sup>31</sup> samada untuk membiayai sara hidup diri, keluarga, melunaskan hutang, mendanai pelaburan dan simpanan. Pencarian mengumpulkan harta dapat dilakukan melalui perniagaan (*tijārah*), bantuan, upah atas suatu perkhidmatan (*ujrah*) industri (*shinā’ah*), pertanian (*zirā’ah*) dan sebagainya. Menurut ahli tafsir, kalimah “*mā kasabtum*” bermaksud mereka yang berusaha dengan susah payah atau mudah untuk mengumpulkan emas dan perak mahupun wang. Ini mengikut tafsiran Abd Allah bin Abbas, Ali bin Abi Talib dan al-Thabari. Maka al-Zamakhshyari dan al-Naysaburi mewajibkan zakat kepada semua pendapatan yang diusahakan oleh setiap orang Islam.<sup>32</sup> Al-Suyūti menyatakan bahawa kalimah *mubhamah* memberikan pengertian umum.<sup>33</sup> Ini bermakna ayat di atas menunjukkan kepada semua hasil perkerjaan yang diperolehi secara halal pada bila-bila masa dan di mana sahaja diwajibkan zakat.

Selain daripada ayat di atas, terdapat juga ayat 254 surah al-Baqarah yang menyatakan kalimah “*mimmā razaqnākum*”. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمْ يَوْمَ لَا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَاعَةٌ  
وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Terjemahan:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah (zakat/sedekah) sebahagian daripada apa yang telah kami berikan kepada kamu sebelum tiba hari kiamat yang tidak ada jual beli padanya dan tidak ada kawan dan teman (yang memberi manfaat) serta tidak ada pula pertolongan syafa’at. Dan orang-orang yang kafir mereka itulah golongan yang dhalim.”

Surah al-Baqarah (2):254

<sup>31</sup> Kamus Mu’jam al-Wasīṭ cet.II, (Kaerah: Majma’ Lhughah al-‘Arabiyah, 1960), 786.

<sup>32</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 65.

<sup>33</sup> Mu’jam al-Wasīṭ 786.

Imam al-Ṭabarī dan al-Syaukānī menjelaskan bahawa setiap orang Islam yang kaya wajib mengeluarkan zakat atas rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT kepadanya. Orang yang mengelak diri daripada kewajipan zakat boleh digolongkan sebagai orang kufur nikmat dan mereka dianggap sebagai golongan yang menganiaya diri mereka sendiri.<sup>34</sup> Firman Allah SWT seterusnya:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Terjemahan:

“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka, dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketentraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Surah al-Taubah (9):103

Berdasarkan ayat di atas Allah SWT telah memerintahkan kepada Rasulullah SAW supaya mengambil sebahagian harta daripada sekumpulan umat Islam yang lari dari peperangan *Tabuk*. Dalam perundangan Islam orang-orang yang membelot dalam peperangan adalah berdosa besar. Selepas menyedari kesalahan tersebut, mereka terus bertaubat dan memohon kemaafan daripada Rasulullah SAW. Pada peringkat awal Rasulullah SAW enggan menerima taubat mereka sehinggalah turun ayat di atas supaya Rasulullah SAW menerima taubat dengan mengambil sebahagian harta mereka sebagai harta zakat.<sup>35</sup>

<sup>34</sup> Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī* jld. III., (Beirūt: Dār al-Kutub al ‘Ilmiyyah, 1992), 4. Lihat juga Al-Syaukānī, *Fath al-Qadīr* jld. I (Mesir: Muṣṭafā Ḥalabī, 1924), 270-271.

<sup>35</sup> Sayd Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, (cet. Ke-11, Kaheerah: Dār al-Syurūq, 1985), 1:265.

Huraian pengertian harta dalam ayat di atas sangat luas, iaitu apa sahaja harta dan hasil diperolehi yang melibatkan kerja dan kepakaran yang menepati piawaian syariat. Di samping itu, banyak lagi ayat-ayat lain yang menunjukkan kewajipan menunaikan zakat pendapatan seperti surah al-Baqarah 2:227, surah al-Nisa' 4:162, surah al-Maidah 5:55, surah al-Taubah 9:71, surah al-Hajj 22:41, surah al-Naml 27:3, surah Luqman 31:4, surah al-Baiyinah 98:5, surah al-Mukminun 23:4 dan lain-lain.<sup>36</sup>

### 2.5.2. Dalil al-Hadith dan al-Athar

Dalam teks-teks hadith, dalil kewajipan mengeluarkan zakat ini berpandukan kepada dua kalimah, iaitu *al-aghniya'* (kekayaan) dan juga *al-māl* atau *al-amwāl* (harta).<sup>37</sup> Antara hadith tersebut ialah sabda Rasulullah SAW ketika menghantar Mu'az ke Yaman sebagai pemerintah di sana:

أَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَ لَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَ تُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Maksudnya:

*“Ajaklah mereka kepada syahadah bahawa tiada Tuhan yang lain selain Allah. Kalau mereka taat kearah itu beritahu mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas mereka lima shalat pada tiap sehari semalam. Kalau mereka taat kearah itu beritahu mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas hartatdhear mereka zakat yang diambil dari yang kaya dalam kalangan mereka dan diberikan kepada yang miskin dalam kalangan mereka.”<sup>38</sup>*

<sup>36</sup> Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī, *Mu‘jam al-Mufahras Li alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, (Beirūt: Muassasah Jamāl Li al-Nasyr, t.t.), 331.

<sup>37</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 67.

<sup>38</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, (Beirūt: Dār al-Fikr, 1991), 4:3. No.Hadith 3/255.

Dalam hadits di atas Rasulullah SAW menyebutkan dengan jelas dalam arahnya kepada Mu'az perkataan *aghniyā'* yang bermaksud zakat wajib dikutip daripada pelbagai jenis harta yang dimiliki oleh orang-orang kaya dalam kalangan mereka.<sup>39</sup>

Hadith lain yang digunapakai oleh golongan yang mewajibkan zakat juga adalah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Setiap orang Islam diwajibkan sadaqah, mereka berkata kepada Rasulullah SAW: “Wahai Nabi Allah, kalau kami tidak memiliki harta bagaimana? Jawab baginda: Berusahalah kamu dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri kemudian bayarlah zakat. Mereka berkata lagi: Usaha kami tidak berhasil? Jawab baginda: Berikan pertolongan kepada orang yang berhajat. Mereka berkata lagi: Kalau kami tidak berupaya? Sabda baginda: Bergiatlah dalam perkara ma'ruf mencegah terjadinya keburukan. Sesungguhnya pekerjaan itu bagi kamu adalah sadaqah (zakat).”<sup>40</sup>*

Berdasarkan teks hadits di atas, terdapat lafaz yang berbunyi “*‘Ala Kulli muslim sadaqah*” sadaqah wajib bermakna zakat, di dalam kandungan hadits pula Rasulullah SAW menyeru sahabatnya untuk berusaha bagi menyara diri dan mengeluarkan zakat dari lebihan hasil usaha mereka. Oleh sebab itu Al-Qurṭūbī berpendapat bahawa hadits itu menunjukkan kewajipan ke atas zakat perolehan.<sup>41</sup> Selain itu terdapat juga hadits yang lain daripada Rasulullah SAW yang bersabda:

مَنْ اسْتَفَادَ مَالًا فَلَا زَكَاةَ عَلَيْهِ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ

Yang bermaksud:

*“Sesiapa yang memperoleh harta maka tidak wajib zakat padanya sehingga ia cukup haul.”*

<sup>39</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 67.

<sup>40</sup> Ibn Hajar, *Fatḥ al-Bārī*, 3:307.

<sup>41</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 69.



Di samping hadith-hadith di atas, antara yang menjadi asas kepada pendapat ini ialah athar daripada Ibn ‘Abbas seperti mana yang diriwayatkan oleh Ikrimah:

فِي الرَّجُلِ يَسْتَفِيدُ الْمَالَ قَالَ: يُزَكِّيهِ يَوْمَ يَسْتَفِيدُهُ - رواه أبو عبيد -

Yang bermaksud:

“Tentang orang yang memperoleh harta, katanya: dia perlu membayar zakatnya pada hari dia memperoleh harta itu.” (Riwayat Abu Ubaid).<sup>42</sup>

Satu lagi riwayat Hubairah ibn Yaryam yang menyebut:

كَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ يُعْطِينَا الْعَطَاءَ فِي زَبَلٍ صِغَارٍ ثُمَّ يَأْخُذُ مِنْهُ الزَّكَاةَ - رواه أبو عبيد -

Yang bermaksud:

“Bahawa ‘Abdullah bin Mas’ud memberikan pemberian kepada kami dalam kampik-kampik yang kecil dan kemudian mengambil zakat daripadanya.” (Riwayat Abu Ubaid).<sup>43</sup>

### 2.5.3. Dalil al-Qiyas

Yusuf al-Qaradāwī ketika menjelaskan dalil kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan beliau menqiyaskannya dengan *al-māl al-mustafād*. Qiyas ialah mensabitkan hukum sesuatu perkara (asal) pada perkara baru (cabang) kerana persamaan keduanya pada ‘illah hukum. Beliau menyatakan bahawa gaji, pendapatan bebas ataupun pendapatan profesional yang berlaku sekarang ini tertakluk kepada konsep zakat *al-māl al-mustafād*, iaitu mana-mana pendapatan yang diperoleh bukan kerana adanya modal atau pelaburan seperti pemberian, hadiah, bonus, pusaka dan sebagainya, hal ini sama dengan pendapatan bebas dan pendapatan profesional yang berlaku sekarang ini. Walaupun pada zakat *al-māl al-mustafād* terjadi perselisihan pendapat di antara yang

<sup>42</sup>Abū ‘Ubaid, *kitab al-Amwāl*, 506.

<sup>43</sup>*Ibid.*, 504.

mensyaratkan haul ataupun tidak akan tetapi kewajiban zakat ke atasnya sudah mencapai kata sepakat.<sup>44</sup>

Mengikuti konsep *al-māl al-mustafād*, zakat pendapatan pernah dilaksanakan pada zaman khulafa al-Rasyidin yaitu pada zaman kekhalifahan Usman bin ‘Affan seperti yang diriwayatkan oleh Qudāmah bin Madh’un:

كَانَ عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِذَا خَرَجَ لِلْعَطَاءِ أَرْسَلَ إِلَى أَبِي فَقَالَ إِنْ كَانَ  
عِنْدَكَ مَالٌ قَدْ وَجِبَتْ فِيهِ الزَّكَاةُ حَاسِبْنَاكَ فِيهِ مِنْ عَطَاؤِكَ

Yang bermaksud: Khalifah Usman bin ‘Affan r.a. pada setiap kali memberikan pemberian (gaji) kepada pegawainya beliau terlebih dahulu bertanya kepada setiap pegawainya, adakah kamu memiliki harta lain yang diwajibkan zakat? kalau jawabannya ada, maka akan ditolak dari pemberiannya itu.<sup>45</sup> Al-Imam Malik pula meriwayatkan daripada Ibn Syihab bahawa Khalifah Mu’awiyah bin Abi Sufyan ialah orang yang pertama mewajibkan zakat ke atas *al-‘Aṭa’* (gaji) secara mutlak.<sup>46</sup>

Komen al-Bājī tentang pendapat Imam Malik, bahawa zakat gaji yang diwajibkan oleh Mu’awiyah itu merupakan zakat gaji semata-mata. Ia tidak dicampur dengan pendapatan lain. Hubayrah bin Yarim juga berkata, bahawa beliau menerima pemberian (*al-‘Aṭa’*) daripada Abdullah bin Mas’ud yang diisikan dalam sebuah bakul kecil. Pada ketika itu Abdullah bin Mas’ud mengambil sebahagian sahaja daripada gaji dan elaun itu sebagai ganti kepada pembayaran zakat sebagaimana yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar dan Usman.<sup>47</sup>

<sup>44</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 521-552.

<sup>45</sup> Anas bin Mālik, *al-Muwaṭṭa’*, (t.t), 168.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Abū ‘Ubaid, *Kitāb al-Amwāl*, 168.

Dalam menetapkan kewajiban zakat pendapatan, Muhammad Ghazali dalam bukunya *Islām wa al-Auzā' al-Iqtisādiyyah* menjelaskan suatu kiyasan lain yang menyatakan ianya wajib. Beliau menjelaskan bahawa dasar penetapan wajib zakat dalam Islam hanyalah modal, bertambah, berkurang atau tetap, setelah lewat setahun, seperti zakat wang dan perdagangan yang zakatnya satu per empat puluh, atau atas dasar ukuran penghasilan tanpa melihat modalnya seperti zakat pertanian dan buah-buahan yang zakatnya satu per sepuluh atau satu per dua puluh. Beliau menyatakan: “Kesimpulan yang boleh diambil, bahawa siapa yang mempunyai pendapatan tidak kurang daripada pendapatan seorang petani yang wajib zakat, maka ia wajib mengeluarkan zakat yang sama dengan zakat petani tersebut tanpa mempertimbangkan sama sekali keadaan modal dan syarat-syaratnya.”<sup>48</sup> Berdasarkan hal itu seorang doktor, peguam, jurutera, pengusaha, pekerja, pegawai dan sebagainya wajib mengeluarkan zakat dari pendapatannya yang besar sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 267. Selanjutnya beliau juga menyatakan bahawa Islam tidak memiliki asas keadilan sekiranya mewajibkan zakat atas petani yang memiliki lima faddan (1 faddan = ½ ha) sedangkan atas pengusaha yang memiliki pendapatan lima puluh faddan tidak diwajibkan keatasnya zakat. Begitu juga tidak mewajibkan seorang doktor yang penghasilannya sehari sama dengan penghasilan seorang petani dalam setahun dari tanahnya yang diwajibkan zakat ke atasnya di waktu menui jika mencapai nisab. Untuk itu harus ada ukuran wajib zakat atas semua kaum yang berpendapatan demikian dan selama sebab (*'illat*) dari dua hal memungkinkan diambil hukum qiyas tersebut.<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup> Muḥammad al-Ghazālī, *Islām wa al-Auzā' al-Iqtisādiyyah* (Kaheerah: Dār al-Ṣahwah li al-Nasyr, 1987), 166-168.

<sup>49</sup> *Ibid.*

Prinsip harta berdaya maju (*al-namā'*) dan kaedah yang menguntungkan fakir miskin juga menjadi satu asas yang kuat dalam mewajibkan zakat pendapatan.<sup>50</sup> Mazhab Maliki dan Mazhab Hanafi merupakan kumpulan yang paling terpengaruh dengan syarat berdaya maju ini bagi mewajibkan sesuatu harta itu dikenakan zakat. Mereka menjadikannya suatu *'illat* atau prasyarat ke atas harta yang diwajibkan zakat.<sup>51</sup> Melalui prinsip ini objek zakat boleh diperluaskan lagi kepada harta lain yang berdaya maju secara semulajadi atau dimajukan secara usaha. Mengingat pendapatan yang diterima selama ini dalam bentuk wang atau sesuatu yang sama dengannya merupakan harta yang berdaya maju maka sangatlah wajar mewajibkan zakat ke atasnya. Ibnu Rusyd berkata: “Sesuatu kekayaan yang bersandarkan kepada emas dan perak atau sesuatu yang dikaitkan dengan kedua-duanya merupakan modal untuk mencari keuntungan dan bukan digunakan sebagai barang pengguna semata-mata, dengan itu logam dan sesuatu yang sama dengannya diwajibkan zakat.”<sup>52</sup> Kaedah yang menguntungkan fakir miskin juga menjadi sesuatu yang dipertimbangkan dalam mewajibkan zakat pendapatan, kerana ada tempat seperti kota-kota besar yang tidak mungkin ada pertanian, ternakan dan galian di mana pendapatan merupakan perolehan utama selain daripada perniagaan. Kalau seandainya pendapatan seperti itu tidak dizakatkan kecuali atas sifat wang simpanan maka akan ramai dari kalangan mereka yang langsung tidak akan terbeban dengan kewajipan zakat meskipun mereka tergolong dalam golongan orang-orang yang berada, kerana terutama dengan cara hidup sekarang ramai orang tidak menyimpan wang dalam bentuk simpanan dan tidak juga melaburkannya akan tetapi menggunakan wang tersebut secara mewah untuk memiliki harta-harta kegunaan yang tidak dikenakan zakat,

---

<sup>50</sup> Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta yang Diikhtilaf”, *Jurnal Syariah*, 1 (2005), 147.

<sup>51</sup> Mujaini, *Zakat Pendapatan*, 75.

<sup>52</sup> Ibn Rusyd, *al-Muqaddimāt*, (Mesir: al- Sa'adah, 1325 H), 201.

sementara kaum fakir miskin masih ada di persekitaran mereka sehingga menimbulkan tanda tanya terhadap objektif zakat itu sendiri.

Berdasarkan penerangan di atas dapat disimpulkan bahawa dalil kewajipan zakat pendapatan terdiri daripada nas al-Qur'an, Hadith, Athar, Qiyas terhadap zakat *al-māl al-mustafād*, Qiyas terhadap zakat pertanian seperti yang dijelaskan oleh Muhammad Ghazali dan konsep harta berdaya maju (*al-namā'*) dan konsep mengutungkan fakir miskin. Walaupun dalil ini begitu kuat dalam menetapkan kewajipan ke atas zakat pendapatan namun masih terdapat golongan yang tidak bersetuju dengan pendapat di atas.

## **2.6. Rasional Zakat Pendapatan**

Tidak dapat disangkal lagi bahawa terdapat banyak manfaat dan kepentingan daripada pelaksanaan zakat ini, iaitu manfaat kepada pembayar zakat sebagai bentuk penyucian harta dan pembersihan jiwa daripada sifat kikir ataupun manfaat kepada masyarakat miskin dan perekonomian secara umum dalam bentuk agihan semula pendapatan.

Bagi muzakki, zakat ini dapat merealisasikan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Orang yang beriman dan bertaqwa terserlah keimanan mereka dengan penuh tanggung jawab untuk menunaikan kewajipan mengeluarkan sebahagian daripada harta mereka yang menjadi rukun Islam ketiga ini dalam apa cara sekalipun. Ini kerana berdasarkan al-Qur'an surah *al-Mudathir* yang memperlihatkan suatu peristiwa diakhir nanti iaitu orang-orang kanan muslimin yang masuk ke dalam syurqa tertanya-tanya

tentang orang-orang kafir dan para pembohong yang dicampakkan ke dalam neraka akibat tidak peka terhadap golongan fakir dan miskin yang kelaparan.<sup>53</sup>

Zakat ini juga dapat memberikan manfaat kepada masyarakat umum. Melalui pelaksanaannya yang efektif dan teratur akan mewujudkan suatu bentuk jaminan sosial dan sumbangan dalam memartabatkan kecemerlangan umat. Prinsip keadilan ekonomi dan bentuk keprihatinan Islam terhadap kaum miskin juga dapat direalisasikan melalui zakat ini. Dewasa ini, anggapan bahawa zakat adalah ibadah terhadap harta yang bersifat *tauqīfī* masih banyak difahami oleh sebahagian masyarakat Islam.<sup>54</sup> Anggapan ini mengandaikan bahawa perintah zakat mesti dijalankan sesuai dengan nas hadith yang berhubungan dengan harta-harta yang wajib dikenakan zakat tanpa mempertimbangkan *'illat*. Tentu sahaja pemahaman seperti ini kurang tepat dan perlu ditinjau secara mendalam. Hal ini demikian kerana kenyataannya dewasa ini telah banyak wujud bentuk kerjaya-kerjaya yang berpendapatan besar dan tidak termasuk dalam kategori harta yang disebutkan dalam kitab-kitab fiqh terdahulu. Padahal, penghasilan mereka jika dibandingkan dengan kategori muzakki dalam fiqh klasik sebenarnya memenuhi syarat untuk dikeluarkan zakatnya. Misalnya kerjaya seorang doktor, peguam, anggota legislatif dan pelbagai jenis kerjaya lain. Dalam fiqh klasik, mereka sama sekali tidak disebut sebagai golongan yang wajib mengeluarkan zakat, kerana mereka bukanlah penternak haiwan, peniaga, pekerja lombong dan bukan juga petani. Pendapatan mereka bukan dalam bentuk emas dan perak. Oleh itu, apabila merujuk kepada kategori muzakki yang telah diperbincangkan dalam kitab klasik, jelas mereka tidak termasuk dalam golongan

---

<sup>53</sup> Abd al-Ḥalīm bin Maḥmūd, *al-'Ibādah al-Aḥkām wa Asrār*, (Kaherah: Dār al-Kitāb Misr 1989), 4:301.

<sup>54</sup> Yang dimaksud dengan *tauqīfī* adalah Ibadah yang telah ditentukan syarat, rukun dan kaifiatnya oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Akal fikiran tidak digunakan di dalam penetapannya. Seperti zakat maka sumber-sumber harta yang menjadi objek zakat telah ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya maka tidak boleh ditambah ataupun dikurang.

yang wajib membayar zakat walaupun pendapatan mereka jauh lebih besar daripada pendapatan para petani, peniaga, pelombong dan penternak haiwan yang jika telah mencapai nisab diwajibkan mengeluarkan zakat. Maka akan sangat tidak sesuai dan terkesan menjauhi prinsip keadilan dan keberpihakan Islam kepada golongan miskin apabila golongan yang berpendapatan tertentu seperti petani, penternak, peniaga dan penambang diwajibkan zakat dengan alasan telah lengkap dibahas dalam kitab fiqh terdahulu. Sementara itu, kelompok lain yang berpendapatan jauh lebih besar tidak dituntut kewajipan membayar zakat kerana bentuk kerjaya dan pendapatan mereka tidak ditemukan dalam perbahasan fiqh klasik.

## **2.7. Syarat Haul Terhadap Zakat Pendapatan.**

Haul merupakan satu tempoh dua belas bulan Qamariyah. Haul disyaratkan terhadap zakat kerana dalam tempoh itu harta tersebut telah mencapai tempoh matang dengan memperolehi pulangan dan keuntungan. Dalam erti kata lain, haul menjadi syarat dan penyelaras dalam sistem zakat. Namun terdapat dua jenis zakat yang tidak disyaratkan haul dan zakat wajib dikeluarkan sebaik sahaja ia diperoleh, iaitu zakat pertanian dan rikaz. Sementara ke atas zakat yang lain jumhur ulama berpendapat adanya syarat haul ke atas harta tersebut. Namun demikian, zakat *al-māl al-mustafād* terdapat dua pandangan dikalangan ulama berkaitan syarat haul ini. Dalam buku *Fiqh al-Zakāt*, Yusuf al-Qaraḍāwī menukilkan pendapat dari Ibnu Qudamah yang mengemukakan dua pendapat tersebut. *Pertama*, pendapat jumhur seperti Abu Bakr al-Siddiq, Ali bin Abi Thalib, Abdullah bin Umar, Aisyah, al-Qasim bin Muhammad, Nafi' dan 'Aṭa' meriwayatkan hadith dan athar yang mewajibkan syarat haul kepada semua harta zakat termasuk zakat *al-māl al-mustafād*. *Kedua*, dibahasakan oleh Abdullah bin 'Abbas,

Abdullah bin Mas'ud, Sādiq, Bāqir, Nasir dan juga Muawiyah bin Abi Sufyan dari kalangan sahabat dan Auzā'ī dari kalangan tabi'in serta Umar bin Abdul Aziz yang meriwayatkan Athar yang tidak menjadikan haul sebagai syarat terhadap zakat *al-māl al-mustafād*.<sup>55</sup>

Adapun pendapat Yusuf al-Qaraḍāwī sendiri beliau lebih memilih tidak mensyaratkan haul ke atas zakat pendapatan walaupun beliau sendiri mengakui bahawa pendapat majoriti ulama mensyaratkannya.<sup>56</sup> Lebih lanjut beliau mempertikaikan dalil-dalil jumhur yang terdiri daripada nas-nas hadith yang mensyaratkan haul keatas zakat. Namun pandangan ini tidak dipersetujui oleh beberapa cendikiawan lain, diantaranya adalah Mahmood Zuhdi, menurutnya pandangan Yusuf al-Qaraḍāwī tersebut tidak diasaskan pada dalil yang kukuh dan perlu untuk ditinjau kembali. Beliau mengkritik terhadap ijtihad Yusuf al-Qaraḍāwī dengan menyatakan:

“Adalah sukar untuk diterima pandangan al-Qaraḍāwī mengenai penafian syarat haul dalam pungutan zakat gaji dan pendapatan ahli profesional, ia bukan sahaja bertentangan dengan pendapat para ulama sezaman dan semua mazhab ahlu al-Sunnah Wa al-Jama'ah, tetapi juga tidak mempunyai asas yang kukuh dari nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>57</sup>

Lebih lanjut beliau menjelaskan dalil-dalil jumhur ulama yang mensyaratkan haul keatas zakat pendapatan seperti berikut.<sup>58</sup> Antara hadith tersebut adalah apa yang diriwayatkan daripada Ali r.a.. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

---

<sup>55</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 531.

<sup>56</sup> *Ibid.*, 534.

<sup>57</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan al-Qaradawi dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional”, *Medium (Majalah Elmiyah Akademi Islam Universiti Malaya)* II, (1992) 12.

<sup>58</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “Syarat Haul.”, 12. dan Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003). 335-341.



فَإِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا خَمْسَةٌ دِرَاهِمٍ وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ –  
 يَعْنِي فِي الذَّهَبِ – حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا فَإِذَا كَانَتْ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا وَحَالَ  
 عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ – رواه أبو داود –

Yang bermaksud:

*“Kalau ada pada kamu itu dua ratus dirham dan mencapai haul, maka zakat ke atasnya sebanyak lima dirham, dan tidak ada apa-apa kewajiban (zakat emas) ke atas kamu kecuali ia berjumlah dua puluh dinar. Maka kalau cukup haul diwajibkan padanya setengah dinar. Apa yang lebih daripada itu dikira mengikut nisab itu juga.”*

(Hadith riwayat Abu Daud)<sup>59</sup>

Kemudian hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَا زَكَاةَ فِي مَالٍ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ – رواه ابن ماجه –

Yang bermaksud:

*“Tidak dikenakan zakat atas suatu harta sehingga ia cukup haul.”*

(Hadith riwayat Ibnu Majah)<sup>60</sup>

Dalam redaksi bahasa yang sama, hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Dār qutnī dan Baihaqi daripada Ibn Umar. Ketiga hadith di atas menunjukkan persyaratan haul secara umum ke atas semua harta zakat kecuali yang terdapat nas secara tegas yang tidak mensyaratkannya seperti zakat pertanian dan rikaz. Di samping itu terdapat juga hadith yang secara khusus membicarakan kewajiban haul ke atas harta perolehan (*al-māl al-mustafād*). Hadith berkenaan ialah yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اسْتَفَادَ مَالًا فَلَا زَكَاةَ عَلَيْهِ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ عِنْدَ رَبِّهِ – رواه الترميذى –

<sup>59</sup> Terdapat di dalam Sunan Abī Dāwūd jilid 2 no. 1573, juga terdapat dalam Sunan Ibnu Mājah jilid 1 no. 1790, serta dihasankan oleh Syaikh Al-Albani.

<sup>60</sup> Sunan Ibnu Mājah, no. 1792 jilid 1 h. 571.

Yang bermaksud:

*“Sesiapa yang memperoleh harta maka tidak wajib zakat ke atasnya sehingga ia cukup haul di tangan pemiliknya.”*

*(Hadith riwayat al-Tirmizi)<sup>61</sup>*

Selain daripada hujah yang dikeluarkan melalui hadith-hadith tersebut, golongan yang mensyaratkan haul juga mengambil beberapa athar yang diriwayatkan daripada sahabat Rasulullah SAW yang menyatakan zakat *al-māl al-mustafād* mesti mengambil kira haul. Antara riwayat tersebut ialah:

إِنَّ أَبَا بَكْرٍ الصِّدِّيقَ لَمْ يَكُنْ يَأْخُذُ مِنْ مَالِ زَكَاةٍ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ

Yang bermaksud:

*“Bahawa Abu Bakar al-Siddiq tidak memungut zakat dari harta kecuali sesudah mencapai haul.”<sup>62</sup>*

Kesemua dalil-dalil di atas, sama ada yang umum ataupun yang khusus menunjukkan bahawa tiada satupun jenis zakat yang tidak tertakluk kepada syarat haul kecuali zakat pertanian dan rikaz. Hal ini demikian kerana ada dalil secara langsung daripada al-Qur’an ataupun hadith sahih yang mewajibkannya dikeluarkan pada waktu menuai atau mendapat hasil. Berdasarkan dalil-dalil tersebut maka al-Syaukanī, al-Siyāghī dan al-San’anī menyokong pendapat adanya haul ke atas zakat pendapatan.<sup>63</sup> Pendapat serupa juga dikemukakan oleh ulama-ulama kontemporari yang lain seperti Wahbah al-Zuhaylī,<sup>64</sup> dan Hasan ‘Umar Musā‘id.<sup>65</sup>

<sup>61</sup> Hadith ini terdapat di dalam Sunan Al-Tirmizī no. 631 juzuk 3 h. 16

<sup>62</sup> Riwayat ini terdapat dalam Muwaṭṭa’ Imām Mālik, Kitāb: al-Zakāh, Bāb al-Zakāh fī al-‘Ain Min Al-Zahab wa al-Warq no. 578.

<sup>63</sup> Muḥammad bin Isma‘īl al-Amīr al-Yamanī al-San‘ānī, *Subul al-Salām* (Kaherah: Maktabah ‘Āṭif, t.t.) 2:604. Lihat juga Syarif al-Dīn al-Ḥusain bin Aḥmad al-Siyāghī *al-Rawḍ al-Naḍīr* (Thāif: Maktabah al-Muayyad, 1968), 2:598.

<sup>64</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu* (Beirūt: Dār- al Fikr, 1989), 2:866.

Namun Yusuf al-Qaraḍāwī mempertikaikan hadith-hadith dan beberapa athar yang berkaitan dengan persyaratan haul ke atas zakat. Menurutnya hadith dan athar tersebut tidak pada peringkat sahih ataupun hasan.<sup>65</sup> Oleh yang demikian ia tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Hadith dari Ali misalnya, diriwayatkan oleh Abu Daud dalam bab zakat *al-Sāimah*.<sup>66</sup> Menurut Ibn Hazm dan Abd al-Haq hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Wahb dari Jarir Ibn Hazim dari Abi Ishaq dari ‘Asim dan al-Harits dari Ali. Harith tergolong *kazzab* (pembongong). Al-Hafiz memberi pendapat dalam karya Ibn Hazm iatu *al-Talkhis* dengan mengatakan: “Hadith tersebut juga diriwayatkan oleh Abu ‘Awanah dari Abu Ishaq dari ‘Ashim dari Ali secara *marfu*’. Selain itu, al-Hafiz juga menerangkan bahawa dalam hadith Abu ‘Awanah tidak menyebutkan tentang haul, maka dia tidak boleh dijadikan sebagai landasan yang kuat. Pengungkapan lengkap tentang hadith tersebut terdapat dalam sunan al-Tirmizi dalam kitab zakat bab *al-Zahab wa al-Warq*. ‘Ashim memang dianggap perawi yang *siqah* (kuat hafalan), namun dia tidak bebas dari cacat (*al-Jarh*), oleh sebab itu Ibn Munzir dalam bukunya *Mukhtashar al-Sunan* berkata al-Harits dan ‘Ashim tidak dapat dijadikan *hujah*. Selain beliau Ibn Hibban menyatakan hafalannya sangat lemah, kesalahannya dalam menyampaikan perkataan hadith sangat tidak meyakinkan.<sup>68</sup>

Mengenai hadith dari Ibnu Umar pula, Ibnu Hajar berkata bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Dār Quṭni dan Baihaqi di dalamnya terdapat Ismail bin Iyasy yang

---

<sup>65</sup> Hasan ‘Umar Musā‘id, “Zakāt al-Rawātib wa al-Ujūr wa Irādāt al-Mihn al-Ḥurrah” *jurnal universiti malik su’ūd* 2 no.14 (2002), 675-704.

<sup>66</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 492-496.

<sup>67</sup> *Sāimah* adalah istilah bagi ternakan yang digembalakan atau dibiarkan di padang rumput mencari makan sendiri. Sementara *ma’lūfah* adalah ternakan yang diberikan makanan oleh pemiliknya.

<sup>68</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 526

menerima dari sumber bukan penduduk Syam adalah lemah. Diriwayatkan pula oleh Ibnu Numair, Mu'tamar, dan lain-lain daripada gurunya iaitu Ubaidillah bin Umar, yang meriwayatkan dari Nafi' kemudian terputus, yang dibenarkan oleh al-Dār Quṭnī dalam *al-ʿIlal* bahawa hadith tersebut memang mauquf. Sementara hadith dari Aisyah yang diriwayatkan oleh Ibnu Mājah, al-Dār Quṭnī, Baihaqi serta Uqaili dalam *al-Dhu'afa'* bahawa di dalamnya terdapat Harisha bin Abu al-Rijāl yang lemah. Ketiga-tiga hadith berkaitan dengan haul itu bersifat umum untuk *al-māl al mustafād* dan lain-lain jenis zakat. Adapun hadith-hadith yang secara khusus berkaitan dengan *al-māl al-mustafād* yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Abdurrahman bin Zaid bin Aslam dari ayahnya Ibnu Umar. Namun sayangnya, menurut al-Tirmizi sendiri Abdurrahman bin zaid bin Aslam tergolong *dhaif al-hadith* (lemah hadithnya). Mereka banyak melakukan kesalahan dalam meriwayatkan hadith. Sebetulnya hadith ini pun diriwayatkan oleh al-Dār Quṭni, namun beliau menilainya lemah.<sup>69</sup>

Pendapat ini juga diperkukuhkan dengan beberapa athar, seperti athar yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud dan Mu'awiyah dari kalangan para sahabat, sementara daripada kalangan tabi'in pula ialah Umar bin Abdul Aziz, al-Hasan dan al-Zuhri. Dan dari kalangan para imam mazhab pula ialah Ahmad bin Hanbal sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh sesetengah kalangan,<sup>70</sup> sementara Imam Malik, Imam Hanafi dan Imam Syafi'ie berpendapat wajib haul. Athar daripada Ibn 'Abbas seperti mana diriwayatkan oleh 'Ikrimah sebagai berikut:

فِي الرَّجُلِ يَسْتَفِيدُ الْمَالَ قَالَ: يُزَكِّيهِ يَوْمَ يَسْتَفِيدُهُ

<sup>69</sup> *Ibid*, 524-528.

<sup>70</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 2:368.

Yang bermaksud:

“Tentang orang yang memperoleh harta, katanya: dia perlu membayar zakatnya pada hari dia memperoleh harta itu.”<sup>71</sup>

Sementara athar daripada Ibn Mas’ud yang diriwayatkan oleh Hubairah bin Yaryam adalah:

كَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ يُعْطِينَا الْعَطَاءَ فِي زَبْلِ صِغَارٍ ثُمَّ يَأْخُذُ مِنْهُ الزَّكَاةَ

Yang bermaksud:

“Bahawa ‘Abdullah ibn Mas’ud memberikan pemberian kepada kami dalam kampak-kampak yang kecil dan kemudian mengambil zakat daripadanya.”<sup>72</sup>

Dan athar daripada Mu’awiyah adalah apa yang diriwayatkan oleh Ibn Syihab yang berkata:

أَوَّلُ مَنْ أَخَذَ مِنَ الْأَعْطِيَةِ زَكَاةً مُعَاوِيَةَ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ

Yang bermaksud:

“Orang yang pertama sekali mengambil zakat daripada pemberian ialah Mu’awiyah bin Abi Sufyan.”<sup>73</sup>

Di samping hujah-hujah di atas, Yusuf al-Qaraḍāwī juga mengemukakan beberapa hujah lain. Hujah ini sebenarnya berkaitan dengan maksud-maksud pensyariatan suatu perkara (*al-maqāshid al-Syari’ah*), prinsip umum syariah (*al-qawā’id al-‘ammah*), dan juga tinjauan dari sudut (*al-mashlahah*) atau kemaslahatan dan kepentingan bagi masyarakat, yang ternyata konsep-konsep ini juga merupakan salah satu daripada sumber-sumber hukum Islam yang muktabar. Antara hujah-hujah tersebut ialah:<sup>74</sup>

<sup>71</sup> Abū ‘Ubaid, *kitāb al-Amwāl*, (Kaherah: Dār al-Fikr, 1975), 506

<sup>72</sup> *Ibid.*, 504.

<sup>73</sup> Al-Sayūti, *Tanwīr al-Ḥawālik* (Beirūt: al-Maktabah al-Thaqāfiyah, 1984) 1: 242.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 537-542.

Para sahabat dan tabi'in r.a. berbeza pendapat tentang harta perolehan, di mana sebahagian daripada mereka mensyaratkan haul dan sebahagian lagi tidak. Mengikut kaedah penyelidikan Islam, apabila para sahabat berbeza pendapat dalam suatu masalah maka mereka akan berada pada taraf yang sama dari segi penerimaan. Oleh yang demikian jawapan terhadap masalah itu perlu dirujuk kepada nas-nas yang lain dan kaedah umum penetapan hukum dalam Islam. Allah SWT berfirman:

... فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ ...

*Ertinya: "... Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya)..."*

*(al-Nisa': 59)*

Secara relatifnya, tidak mensyaratkan haul pada zakat harta perolehan sebenarnya lebih relevan dengan kehendak nas kerana nas-nas yang mewajibkan zakat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah bersifat umum dan *mutlaq* serta tidak mengandungi syarat haul di dalamnya. Antara nas tersebut ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Bawalah 2.5% harta kamu*" dan "*Pada perak 2.5%*". begitu juga yang terdapat dalam al-Qur'an. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ .....

*Ertinya: "Hai orang-orang yang beriman! Nafkahkanlah sebahagian usahamu yang baik-baik."*

*(al-Baqarah: 267)*

Perkataan daripada "hasil usahamu" adalah suatu ungkapan yang umum, meliputi semua hasil kerja. Ayat ini telah dijadikan oleh kebanyakan ulama' sebagai dalil atas kewajipan mengeluarkan zakat perdagangan. Oleh sebab itu bukanlah suatu hal yang janggal apabila ia juga dijadikan dalil kepada kewajipan mengeluarkan zakat pendapatan.

Sementara adanya persyaratan haul pada zakat perniagaan sebenarnya ia dibuat kerana kesukaran dalam membezakan di antara modal dan keuntungan yang diperoleh, keuntungan boleh diperoleh dari sehari ke sehari berbeza dengan pendapatan bebas, profesional ataupun gaji, ia diperoleh secara tersendiri dan dalam jumlah yang tertentu secara pasti.

Sesungguhnya tidak menyaratkan haul pada zakat pendapatan itu juga disokong oleh *qiyas* yang tepat. Jika zakat pertanian diambil pada waktu ianya dituai, maka akan sangat wajar apabila zakat pendapatan diambil pada saat ianya diterima. Allah telah menyebut tentang hasil kerja seseorang hamba bersamaan dengan penyebutan hasil bumi dalam ayat yang sama (al-Baqarah: 267). Maka tidak ada sebab yang wajar untuk membezakan dua perkara yang diikat oleh Allah SWT dalam satu ikatan yang satu dan kedua-duanya merupakan rezeki daripada Allah SWT.

Meletakkan syarat haul ke atas zakat pendapatan bererti membiarkan ramai pegawai-pegawai elit dan ahli-ahli professional terhadap kewajipan zakat. Sementara pendapatan mereka begitu lumayan, sehingga ada dalam kalangan mereka yang terus menghabiskan pendapatannya tanpa membuat simpanan daripadanya. Ini bererti zakat hanya dikenakan kepada mereka yang bersikap sederhana sahaja ataupun kepada para petani yang pada saat ini hidup tidak semewah orang-orang ahli profesional. Jelas sekali keadaan seperti ini berlawanan dengan sistem keadilan dalam Islam dan begitu juga objektif pelaksanaan zakat. Bagaimanakah mereka yang menyewa tanah tempat dia bertani dengan pendapatan yang kecil diwajibkan zakat sementara mereka para doktor, jurutera, peguam dan mereka yang mendapat gaji sehari melebihi pendapatan petani sekali tuai tidak diwajibkan zakat?

Pelaksanaan zakat pendapatan akan memberi banyak faedah kepada tabung zakat dan fakir miskin, maka melepaskan mereka terus-menerus daripada kewajipan zakat dengan alasan menunggu cukup haul akan menyebabkan terkumpulnya harta di tangan orang-orang kaya sahaja sehingga akan memperlambat agihan semula pendapatan di kalangan masyarakat.

Jika tiada syarat haul ke atas pengeluaran zakat pendapatan maka hal ini akan memudahkan pentadbiran zakat itu sendiri. Sekiranya haul disyaratkan ke atas setiap mereka yang mempunyai pendapatan, samada banyak atau sedikit perlu dipastikan bilakah setiap jumlah pendapatan itu diterima dan bilakah cukup haulnya. Kerja-kerja seperti ini sebenarnya membebankan dan merumitkan lagi pentadbiran zakat itu sendiri. Pendapat Yusuf Qaradāwī ini juga diikuti oleh banyak pengkaji lainnya seperti Muhammad Kamal ‘Atiyah,<sup>75</sup> Mujaini bin Tarimin<sup>76</sup> dan banyak lagi.

Apa yang dapat kita simpulkan dari kedua-dua pandangan di atas ialah bahawa masih terdapat perbezaan pandangan di kalangan para ulama sekarang dalam menetapkan syarat haul ke atas zakat pendapat, hal ini tentunya akan memberi kesan terhadap sebuah lembaga untuk melaksanakan zakat pendapatan samada harus mengenakan syarat haul atau sebaliknya.

---

<sup>75</sup> Muhammad Kamal ‘Atiyah, *Perakaunan Zakat, Teori dan Praktik*, terj. Mohd Nor Ngah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995), 69 dan 125. Menurut Muhammad Kamal ‘Atiyah menyatakan: bagi pendapatan bebas tidak disyaratkan haul dan bagi pendapatan gaji harus dikeluarkan zakatnya pada waktu seseorang itu menerimanya atau dalam jangka masa tertentu atau di akhir haul. Menurutnya lagi pendapatan ini juga boleh digabungkan menjadi satu jika ia terpisah dan dikeluarkan zakatnya sekaligus. Nampaknya disini beliau membezakan di antara pendapatan bebas dengan gaji. Bagi pendapatan bebas secara tegas menyatakan tak perlu kepada persyaratan haul. Namun bagi pendapatan gaji, boleh mempertimbangkan haul walau pengutipannya pada saat gaji itu diterima.

<sup>76</sup> Mujaini, “Perlaksanaan Zakat,” 10-12.



## 2.8. Nisab Zakat Pendapatan

Nisab zakat pendapatan memang tidak memiliki pijakan dalil secara *sharih* (jelas) daripada al-Qur'an ataupun Sunnah Nabi SAW, oleh itu untuk menetapkannya ia dilakukan dengan cara perbandingan (analogi/qiyas) dengan salah satu dari lima jenis zakat yang sudah sedia mafhum. Dalam hal ini banyak terjadi perbezaan pendapat di kalangan ulama semasa di dalam menentukan nisab tersebut. Perkara ini lumrah terjadi kerana beza pendekatan qiyas yang diterima pakai oleh mereka. Ada yang mengqiyaskannya kepada zakat emas dan ada yang mengqiyaskannya kepada zakat pertanian. Terdapat juga yang mengqiyaskan kepada zakat rikaz. Perbezaan pandangan ini telah menyebabkan terjadinya kepelbagaian jumlah nisab zakat pendapatan yang mereka tetapkan, bergantung kepada pendekatan *qiyas* yang mereka ambil.

Muhammad Ghazali cenderung untuk mengukurnya menurut ukuran zakat pertanian. Maka beliau berpendapat nisab zakat pendapatan adalah 5 *wasaq* (50 Kail/653 kg).<sup>77</sup> Beliau juga menyatakan bahawa barangsiapa yang memiliki pendapatan tidak kurang daripada pendapatan seorang petani yang wajib mengeluarkan zakat maka orang itu telah wajib mengeluarkan zakatnya. Ertinya, siapa yang mempunyai pendapatan yang mencapai 5 *wasaq* maka telah wajib baginya zakat.<sup>78</sup> Alasan. Muhammad Ghazali mengqiyaskannya kepada zakat pertanian adalah kerana adanya persamaan di antara

---

<sup>77</sup> 1 wasaq = 4 'arq. 1 'arq = 15 sa'. Jadi 1 wasaq = 4 'arq x 15 sa' = 60 sa'. 1 sa' = 4 mudd. 1 qadah = 3 mudd. 1 Kail = 8 qadah. jadi 1 kail = 8 qadah x 3 mudd = 24 mudd. Maka kalau dikira nisab dengan sukatan maka 5 wasaq x 60 sa' x 4 mudd per 24 mudd maka hasilnya adalah 50 kail. Sementara kalau dikira nisab menurut timbangan maka kalau berat satu sa' ialah 2.176 kg maka 5 wasaq x 60 sa' x 2.176 maka hasilnya adalah 635 kg.

<sup>78</sup> Al-Ghazālī, *Islām wa al-Awzā' al-Iqtisādīyah*, 166-168. Dan lihat juga hasil Nadwah Farīdah al-zakāh wa Darībah al-Dakhl yang diadakan di Auditorium perniagaan dan perkilangan di Riyadh, Kerajaan Saudi Arabiyah yang diadakan pada 1/1/1991.

zakat pendapatan dengan zakat pertanian di mana pendapatan mereka dapat dipadankan dengan pendapatan musiman yang dihasilkan oleh para petani.

Sementara Yusuf al-Qaradāwī berpendapat nisab zakat pendapatan adalah 85 gram emas.<sup>79</sup> 85 gram emas ini merupakan hasil penelitian terhadap kandungan emas dari 20 dinar atau 200 dirham seperti yang terdapat dalam hadits Rasulullah SAW.<sup>80</sup>

Jadi dalam hal ini beliau mengqiyaskan zakat pendapatan dengan zakat wang/emas. Menurutnya lagi qiyas kepada zakat wang lebih sesuai kerana lazimnya gaji yang diterima oleh pekerja pada setiap bulan atau minggu adalah dalam bentuk wang. Jika pendapatan bersih yang diterima mencapai jumlah 85 gram emas maka pendapatan tersebut telah wajib dikeluarkan zakatnya. Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Muhammad Kamal ‘Athiyah<sup>81</sup> dan Wahbah Zuhaylī.<sup>82</sup>

Ada juga pendapat yang membezakan nisab di antara pendapatan dalam bentuk penggajian dengan pendapatan profesional atau bebas. Bagi pendapatan yang berbentuk penggajian nisabnya adalah 85 gram emas diqiyaskan zakat wang/emas, sementara bagi pendapatan yang berbentuk profesional atau bebas nisabnya sebanyak 5 *wasaq* (50

---

<sup>79</sup> Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 545-548.

<sup>80</sup> Dari Ali bin Abi Thalib Raḍiyallaahu ‘anhu bahwa Rasulullah shallallaahu ‘alaihi wasallam bersabda : “Apabila engkau memiliki 200 dirham dan telah melewati setahun, maka zakatnya 5 dirham. Tidak wajib atasmu zakat kecuali engkau memiliki 20 dinar dan telah melewati setahun, maka zakatnya ½ (setengah) dinar. Jika lebih dari itu, maka zakatnya menurut perhitungannya. Harta tidak wajib dikeluarkan zakat kecuali telah melewati setahun” (Dikeluarkan oleh Abu Dawud dalam Sunan-nya juzuk 2 no. 1573, Ibnu Majah dalam Sunan-nya juzuk 1 no. 1790, serta dihasankan oleh Syaikh Al-Albani rahimahullah). Untuk mendapatkan hasil 85 gram emas maka dapat dilakukan pengiraan sebagai berikut: satu dinar wang emas sama dengan 4.250 gram. Maka 20 dinar x 4.250 gram = 85 gram. Oleh itu hasil muktamar kajian Islam telah menetapkan nisab zakat emas adalah 85 gram. Namun terdapat juga yang menetapkan 96 gram emas, 94, 93, 91 dan bahkan ada yang menetapkan 70 gram emas. Perbezaan ini terjadi disebabkan wujudnya variasi kepada kualiti emas berdasarkan campuran logam lain ke dalamnya.

<sup>81</sup> Kamāl ‘Athiyah, *Perakaunan Zakat*, 15-16.

<sup>82</sup> Al-Zuhaylī, *Fiqh Islāmī*, 866.

Kail/653 kg) yang diqiyaskan kepada zakat pertanian. Alasan membezakan kedua-dua bentuk pendapatan ini adalah disebabkan terdapat modal dan usaha bagi pendapatan ahli profesional/bebas. Hal ini sama seperti zakat pertanian yang terdapat unsur modal dan usaha dalam pelaksanaannya. Oleh itu pengkiasan kepada zakat pertanian adalah lebih sesuai. Berbeza halnya bagi pendapatan yang berbentuk penggajian yang hanya ada usaha tanpa perlu kepada modal. Pengkiasan zakatnya kepada zakat emas adalah lebih tepat. Pendapat ini dikemukakan oleh Husain Syahatah.<sup>83</sup> Terdapat juga satu pendapat yang menyatakan bahawa pendapatan imbuhan seperti bonus, hadiah, keraian dan sesuatu yang dikaitkan dengan pendapatan pindahan maka diqiyaskan kepada zakat *rikaz*, iaitu tanpa nisab.<sup>84</sup>

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa wujud perbezaan pandangan di kalangan ulama semasa dalam menentukan nisab zakat pendapatan. Ada pendapat yang menyatakan nisab zakat pendapatan diqiyaskan dengan zakat emas, maka nisabnya 85 gram emas. Selain itu, ada juga pendapat yang menyatakan nisabnya diqiyaskan kepada zakat pertanian, maka nisabnya 5 *awsaq* (50 kail/653 kg). Sementara pendapat yang membezakan di antara pendapatan yang berbentuk penggajian dengan pendapatan profesional/bebas, maka nisab terhadap pendapatan yang berbentuk penggajian adalah 85 gram emas manakala terhadap pendapatan profesional/bebas maka nisabnya 5 *awsaq* (50 kail/653 kg). Dan yang terakhir pendapat yang mengqiyaskan kepada zakat *rikaz* jika pendapatan berbentuk imbuhan seperti bonus, hadiah dan sesuatu yang dikaitkan dengan pendapatan pindahan maka tidak perlu nisab ke atas harta tersebut.

---

<sup>83</sup> Husain Syahatah, *Muhāṣabah al Zakāh*, 258.

<sup>84</sup> Mujaini, "Perlaksanaan Zakat", 6.

Selain daripada menghuraikan pelbagai pandangan dalam menentukan jumlah nisab zakat pendapatan, ada baiknya juga kami huraikan beberapa permasalahan yang wujud dalam penetapan nisab zakat pendapatan, sebagai contoh adakah nisab dikira daripada pendapatan bersih atau pendapatan kasar? Kemudian bagaimanakah menentukan nisab jika harta dicampur dengan pendapatan yang lain. Akhir sekali berkaitan dengan pendapat Yusuf al-Qaradāwī dalam mengabungkan pendapatan bagi orang-orang yang mempunyai gaji kecil sehingga mencapai nisab.

### **2.8.1 Nisab Dikira Daripada Pendapatan Bersih.**

Berlandaskan nas al-Qur'an dan al-Hadith, zakat diwajibkan kepada mereka yang memperoleh pendapatan lebih daripada keperluan asas mereka atau pendapatan sebenar ataupun tabungan bersih (*al-Afw*) atau *al-Fadl*.<sup>85</sup> Pendapatan yang dibelanjakan bagi menyara diri, ahli keluarga, membayar hutang dan memenuhi keperluan asas yang lain dikira sebagai harta pengguna tidak diwajibkan zakat. Usman bin 'Affan, Tha'us, Ikrimah, al-Thauri, Ibn Jurayj dan al-'Ayni berpendapat: Seseorang yang mengeluarkan zakat sedangkan harta itu diperlukan bagi menanggung keluarga dan hutang, maka hutang hendaklah didahulukan, iaitu mendahulukan yang wajib. Yusuf al-Qaradāwī menyatakan:

“Setelah kita menegaskan pendapat yang terpilih tentang kewajipan zakat atas gaji, upah, dan seumpamanya, maka kita menegaskan bahawa zakat tersebut hanya diambil daripada pendapatan bersih. Pengambilan daripada

---

<sup>85</sup> Dalam al-Qur'an disebutkan dalam surat al-Baqarah: 219. Ibnu Katsir dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa makna daripada *al-Afw* bermaksud *al-Fadl* iaitu harta lebih. Pendapat ini seperti yang telah diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar, Mujahid, 'Atha', Ikrimah, Said bin Jubair, Muhammad bin Ka'ab, al-Hasan, Qatadah, al-Qasim, Salim, 'Atha' al-Khurasani, dan Rabi' bin Anas. Adapun di antara hadith yang bermaksud demikian adalah: hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.. Rasulullah SAW bersabda: yang bermaksud “Sesungguhnya shadaqah hanya bagi orang-orang kaya” dalam riwayat lain disebutkan: “Tidak ada shadaqah kecuali bagi orang kaya”. Hadith ini terdapat dalam kitab al-Musnad no. 7155 dan Fath al-Bari jilid 3 no.189.

pendapatan atau gaji bersih dimaksudkan supaya hutang dapat dibayar jika ada dan perbelanjaan harian yang menjadi tanggungannya dapat terpenuhi, kerana biaya hidup terendah seseorang merupakan keperluan asas yang mesti tercukupi, sedangkan zakat diwajibkan atas jumlah senisab yang sudah melebihi keperluan asasi sebagaimana yang telah kita jelaskan di atas. Juga mesti ditolak perbelanjaan untuk melakukan pekerjaan tersebut, berdasarkan pengqiyasannya kepada hasil bumi dan kurma serta sejenisnya, maka biaya harus ditolak terlebih dahulu kemudian barulah zakat dikeluarkan dari sisanya. Itu adalah pendapat ‘Atha’ dan lainnya. Berdasarkan hal itu maka sisa gaji dan pendapatan setahun wajib zakat bila mencapai nisab wang, sedangkan gaji dan upah setahun yang tidak mencapai nisab wang maka tidak wajib zakat.”<sup>86</sup>

Perkara yang sama juga dikemukakan oleh Mujaini bin Tarimin,<sup>87</sup> dan Muhammad Kamal ‘Athiyah.<sup>88</sup> Mengenai bagaimana menentukan pendapatan bersih, dan apa sahaja item-item tolakan yang dibenarkan. Dalam hal ini, terdapat beberapa pandangan di kalangan ulama’ semasa. Muhammad Kamal ‘Athiyah mencadangkan ditolak kos yang perlu dan juga keperluan asasi serta hutang. Untuk menentukan kadar keperluan asasi pula ia boleh ditaksir mengikut bilangan orang dalam keluarga. Menurutnya lagi pihak pemerintah yang berkuasa boleh menetapkan angka tertentu yang menggambarkan kos sara hidup di samping mengambil kira suasana sekeliling, bebanan nafkah keluarga dan taraf kehidupan pembayar zakat. Kadar yang ditetapkan itu mestilah diwajibkan.<sup>89</sup>

### **2.8.2. Penggabungan Pendapatan Untuk Mencapai Nisab**

Seperti yang telah kita bincangkan di atas, zakat pendapatan terdiri dari dua bentuk perolehan. Iaitu perolehan dalam bentuk penggajian dan perolehan dalam bentuk pendapatan profesional/bebas. Perolehan dalam bentuk penggajian adalah tetap dan

---

<sup>86</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 549-550.

<sup>87</sup> Mujaini, “Perlaksanaan Zakat,” 7-8.

<sup>88</sup> Kamāl ‘Aṭīyah, *Perakaunan Zakat*, 69 dan 125.

<sup>89</sup> *Ibid.*

teratur, misalkan mereka menerima gajinya setiap minggu atau dua minggu sekali dan kebanyakannya setiap bulan. Sementara bagi pendapatan ahli profesional/bebas pula, pendapatan mereka tidak teratur, kadangkala setiap hari, kadangkala juga pada masa-masa tertentu dan bahkan kadangkala tidak mendapatkannya sama sekali. Dari kedua bentuk pendapatan ini, terdapat pendapatan yang tidak mencapai nisab pada waktu ia diterima. Akan tetapi apabila pendapatan itu digabungkan dengan pendapatan berikutnya yang akan diterima atau digabungkan dengan pendapatan sampingan lainnya maka ia akan mencapai nisab. Lalu apakah dibenarkan penggabungan seperti itu dan apa yang menjadi dasar fikah dalam perkara ini.

Terhadap perkara ini Yusuf al-Qaraḍāwī mengemukakan dua kemungkinan. Kemungkinan yang pertama memberlakukan nisab dalam setiap jumlah pendapatan atau penghasilan yang diterima. Dengan demikian penghasilan yang mencapai nisab seperti gaji yang tinggi dan upah yang besar, serta pembayaran-pembayaran yang besar yang diterima golongan ahli profesional wajib dikenakan zakat. Sedangkan yang tidak mencapai nisab dibebaskan dari kewajipan zakat. Kemungkinan yang kedua adalah mengumpulkan gaji atau penghasilan yang diterima berkali-kali itu dalam waktu tertentu hingga mencapai nisab kemudian dikeluarkan zakatnya.<sup>90</sup>

Menurut Yusuf al-Qaraḍāwī kemungkinan kedua lebih tepat. Kerana bila kita hanya menetapkan nisab untuk setiap kali upah, gaji, atau pendapatan yang diterima, bererti kita telah membebaskan kebanyakan golongan pegawai atau ahli profesional yang menerima gaji beberapa kali pembayaran dan jarang sekali cukup nisab. Sedangkan bila perolehan atau gaji itu dari satu waktu dikumpulkan akan mencapai nisab bahkan akan

---

<sup>90</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 547.

mencapai beberapa nisab. Selanjutnya para ulama' juga telah berpendapat seperti itu dalam kes nisab zakat pertambangan, bahawa hasil yang diperoleh dari waktu ke waktu yang tidak pernah terputus dan akan saling lengkap-melengkapi untuk mencapai nisab. Begitu juga dalam mazhab Hambali bahawa hasil bermacam-macam jenis tanaman dan buah-buahan selama satu tahun penuh dikumpulkan jadi satu untuk mencapai nisab. Atas dasar itulah zakat pendapatan bersih seorang pegawai atau golongan ahli profesional dapat diambil apabila dijangkakan pendapatan bersihnya dalam setahun itu dapat mencapai nisab.

## **2.9. Kadar Zakat Pendapatan**

Secara khusus, kadar zakat pendapatan juga tidak terdapat nas secara langsung, sehingga qiyas (analogi) juga digunakan untuk menetapkan kadar zakat pendapatan. Kadar zakat pendapatan berkisar di antara 2.5%, dan 5-10%,. Bergantung pada pendekatan qiyas/analogi yang digunakan. Mereka yang mengqiyaskan zakat pendapatan kepada zakat emas atau wang maka kadarnya adalah 2.5%. Bagi yang mengqiyaskannya kepada zakat pertanian maka kadarnya 5% atau 10%. Dan bagi mereka yang mengqiyaskannya kepada barang temuan (*rikaz*) maka kadarnya adalah 10%.

Syaikh Muhammad Al Ghazali mengqiyaskan kadar zakat pendapatan dengan zakat pertanian. Sehingga, menurutnya, beban zakat setiap pendapatan sesuai dengan ukuran beban pekerjaan atau pengusahaannya, seperti ukuran beban petani dalam mengairi tanahnya, iaitu 5% atau 10%.<sup>91</sup>

---

<sup>91</sup> Al-Ghazālī, *Islām wa al-Awḥā' al-Iqtisādīyah*, 166-168

Dalam penetapan kadar zakat pendapatan, Yusuf al-Qaraḍāwī membahagikan kepada dua jenis penghasilan. Penghasilan yang diperoleh daripada modal sahaja dan penghasilan yang diperoleh daripada modal dan juga usaha.<sup>92</sup> seperti penghasilan perkilangan, gedung, percetakan, perhotelan, kereta, industri penerbangan dan lain-lain, maka kadar zakatnya adalah 10% dari pendapatan bersih setelah ditolak biaya pengurusan, hutang dan keperluan-keperluan lainnya, hal ini berdasarkan qiyas kepada penghasilan pertanian. Sementara bagi penghasilan yang diperoleh dari pekerjaan sahaja seperti pendapatan pegawai dan golongan profesional yang mereka peroleh dari pekerjaan mereka, maka besar zakat yang wajib dikeluarkan adalah 2.5% iaitu diqiyaskan kepada zakat emas atau perak.<sup>93</sup> Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Muhammad Kamal ‘Atiyah. Beliau juga membezakan di antara pendapatan yang berbentuk gaji dengan pendapatan bebas. Bagi pendapatan daripada hasil gaji maka kadarnya 2.5%.<sup>94</sup> Sementara bagi pendapatan bebas maka kadarnya adalah 5%. Disini beliau berbeza pandangan dengan Yusuf al-Qaraḍāwī yang menyatakan kadarnya 10%. Beliau menyatakan:

“Di antara kaedah *fiqh* yang ditetapkan ialah usaha yang banyak mengurangkan kadar kewajipan membayar zakat. Jadi, memandangkan pendapatan bebas ini adalah hasil gabungan antara usaha dan modal, tetapi modal yang digunakan tidaklah begitu besar. Oleh itu, kami menyokong kadar zakat dikenakan lima peratus sahaja.”<sup>95</sup>

---

<sup>92</sup> Yang dimaksudkan dengan modal disini adalah modal yang dikembangkan di luar sektor perdagangan. Seperti pendapatan daripada penyewaan rumah, kereta, hotel dan lain-lainnya. Jadi disini tidak terjadi ketidakserasian dengan apa yang telah kita sampaikan sebelumnya mengenai konsep zakat pendapatan di mana ianya merupakan pendapatan yang bukan dari hasil pelaburan.

<sup>93</sup> Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 551. Hasil Muktamar Zakat yang diadakan di Kuwait pada tahun 1404 H juga menetapkan kadar zakat gaji 2.5%.

<sup>94</sup> Kamāl ‘Atiyah, *Perakaunan Zakat*, 124.

<sup>95</sup> *Ibid.*, 70. Kadar 5% ini juga boleh dirujuk: Muḥammad Sa’īd ‘Abd al-Salām, *al-Muhāsabah fī al-Islām.*, (Jeddah, 1402 H) Dan Syawqī Isma’īl Syahātah, *al-Taḥqīq al-Mu’āshir li al-Zakāh.* (Jeddah, 1397 H), 211.



Dalam kalangan ulama ada juga yang membezakan di antara pendapatan yang berbentuk gaji dengan pendapatan yang berbentuk pindahan seperti bonus, hadiah, pusaka dan lainnya. Terhadap pendapatan yang berbentuk gaji kadarnya adalah 2.5% sama seperti pendapat Yusuf al-Qaraḍāwī. Sementara bagi pendapatan berbentuk pindahan maka kadarnya adalah 5% jika dikira dari hasil bersih pendapatan. Dan 10% jika dikira dari hasil kotor. Hal ini kerana pada pendapatan pindahan diperolehi secara percuma, tanpa kos dan modal serta beresiko.<sup>96</sup> Wahbah Zuhaylī berpendapat apabila telah mencapai haul dan nisab maka wajib dikeluarkan zakat dengan kadar 2.5% dengan tidak membezakan antara pendapatan yang berbentuk gaji dengan pendapatan profesional/bebas.<sup>97</sup>

Adapun pendapat kebanyakan ulama semasa adalah dengan kadar 2.5% berdasarkan qiyas terhadap zakat emas atau perak, ini tanpa membezakan di antara pendapatan yang berbentuk gaji ataupun pendapatan bebas, kerana lazimnya pendapatan yang diterima tunai dalam bentuk wang. Hal ini berdasarkan apa yang telah dipraktikkan oleh Abdullah bin Mas'ud, Mu'awiyah, Umar bin Abdul Aziz.

Walaupun kadar 2.5% banyak diperakui oleh majoriti ulama semasa dan mula diterapkan di pelbagai lembaga zakat. Ini tidak bermakna tidak terdapat kalangan yang mengharapkan ketetapan itu untuk di tinjau kembali, dan memberikan saran untuk ditingkatkan sampai 5%, atau 10% dan bahkan bahkan 20%.<sup>98</sup> Amin Rais seorang tokoh gerakan reformasi Indonesia yang menjatuhkan Presiden Suharto tahun 1997

---

<sup>96</sup> Mujaini, "Perlaksanaan Zakat, 12-14.

<sup>97</sup> Al-Zuhaylī, *Fiqh Islāmī*, 866.

<sup>98</sup> Nor Aini Ali, "Analisis Perakaunan Zakat Di Malaysia" *Jurnal Syariah*, 14:2 (2006). Yang menyatakan agar meninjau semula apakah kadar zakat pendapatan dikekalkan 2.5% atau dikenakan kadar yang baru seperti 5% atau 10%.

mempersoalkan kadar 2.5% yang dikenakan terhadap zakat pendapatan di lembaga-lembaga zakat di Indonesia, menurutnya kadar itu tidak wajar untuk diterapkan. Beliau menyatakan:

“Ketika peratusan zakat harta kekayaan (zakat al-mal) dirumuskan oleh para ulama sebanyak 2.5% berdasarkan beberapa hadith, jelas sekali belum muncul pelbagai kerjaya modern seperti yang ada sekarang ini. AL-Quran berpuluh kali menganjurkan kaum muslimin agar membayar zakat di samping menegakkan salat, tetapi peratusan zakat itu sama sekali tidak ditetapkan dalam al-Quran. Memang benar bahawa salah satu fungsi hadith adalah menerangkan ayat-ayat yang masih bersifat global (mujmal), sehingga hadith-hadith tentang zakat dapat membantu kita memahami perintah zakat secara lebih terperinci. Tetapi saya cenderung berpendapat bahawa peratusan zakat yang 2.5% itu lebih merupakan hukum yang berdasarkan ijtihad para ulama (ijtihadi). Pada masa Nabi SAW. dan masa para ulama menentukan peratusan zakat secara terperinci, jenis-jenis kerjaya masyarakat pada waktu itu masih sangat terbatas. Jadi berbeza dengan zaman modern sekarang, di mana pelbagai kerjaya muncul sesuai dengan perkembangan kehidupan modern manusia, yang kiranya tidak pernah terbayangkan oleh para ulama dahulu, kerjaya yang dapat mendatangkan rezeki secara mudah dan melimpah dewasa ini jumlahnya sangat banyak, seperti misalnya komisaris perusahaan, pegawai bank, konsultan, eksportir, importir, akauntan, notaris, artis, dan pelbagai penjual jasa serta macam-macam kerjaya jabatan (kolar putih) lainnya. Yang saya persoalkan adalah zakat profesion yang mendatangkan rezeki dengan mudah dan cukup melimpah, setidak-tidaknya dibandingkan dengan penghasilan rata-rata penduduk. Jadi, gugatan saya agar peratusan zakat yang 2.5% itu ditinjau lagi dan kalau perlu ditingkatkan – katakanlah sampai 10% (usyur) atau 20% (khums) – bukan saya tujukan untuk semua penghasilan daripada setiap kerjaya melainkan khusus kerjaya yang mudah mendatangkan rezeki.”<sup>99</sup>

Pendapat 20% seperti di atas tidak mendapat sambutan dalam kalangan ulama semasa kerana tidak berlandaskan atas penghujahan yang kukuh. Oleh itu tidak mendapat banyak sokongan daripada ulama-ulama lain.

Dapat disimpulkan bahawa kadar zakat pendapatan berada di antara 2.5%, 5% dan 10% bergantung pada pendekatan qiyas yang dilakukan dan perbezaan pandangan di

---

<sup>99</sup> Muhammad Amin Rais, *Cakrawala Islam: Antara Cita dan Fakta* (Bandung: Mizan, 1989), 58,59.

dalam melihat dua jenis penghasilan. Iaitu di antara penghasilan yang berbentuk gaji ataupun pendapatan bebas. Hal yang menarik untuk dibincangkan disini bahawa semua kadar di atas merupakan hasil daripada ijhtihad ulama semasa. Oleh itu, masih ada ruang bagi pengkaji zakat untuk menentukan kadar zakat pendapatan dengan mengambilkira nilai semasa dan setempat dilalam penentuannya. Sehingga memilih penentuan itu yang lebih menguntungkan dan sesuai dengan syarak.<sup>100</sup>

## 2.10. Kesimpulan

Zakat pendapatan adalah pengenaan zakat ke atas pendapatan yang berbentuk penggajian ataupun dalam bentuk pendapatan ahli profesional/bebas. Pendapatan dalam bentuk gaji merupakan upah atau pendapatan yang diperolehi kerana membuat sesuatu kerja kepada pihak lain seperti kerajaan, swasta dan orang perseorangan. Sedangkan Pendapatan profesional/bebas merupakan pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran atau perkhidmatan yang dikerjakan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. Disebut juga keuntungan daripada pekerjaan bukan perniagaan. Ia adalah imbalan daripada usaha yang berbentuk fizikal atau berbentuk akal fikiran.

Masih terjadi perbezaan pandangan ulama terhadap kewajipan zakat ini di antara yang mewajibkannya dan yang tidak. Ulama semasa telah berijtihad mewajibkannya dengan menjadikan nas al-Qur'an, hadith dan ijhtihad dengan hujah masalah sebagai dalil. Di samping itu juga konsep *al-māl al-mustafād* yang telah diperbincangkan oleh

---

<sup>100</sup> Abd Rasyid Dail, "Pengambilan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum Zakat", (Kertas Kerja Konvensyen Zakat Kebangsaan, Putrajaya anjuran Sekretariat Pusat Zakat Negeri-Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 18-19 September 2001). Lihat juga Hailani Muji Tahir, "Kedudukan Illah, Nisab, Kadar dan Haul Dalam Menjana Sumber Zakat Korporat". (Sebuah kertas kerja, 2004)

ulama dahulu dijadikan sebagai asas pandangan terhadap zakat pendapatan hari ini. Sementara golongan yang tidak mewajibkannya menolak qiyas atau asas pandangan ini. Perbezaan di kalangan ulama juga disebabkan oleh perbezaan pandangan terhadap penafsiran ayat-ayat berkaitan dengan sumber harta zakat yang berbentuk umum seperti ayat 267 dan 254 surah al-Baqarah, dan beberapa hadith Rasulullah SAW. Walaupun perbezaan ini masih terjadi namun kebanyakan ulama semasa telah menerima konsep zakat ini. Dan di antara ulama semasa yang popular bercakap soal zakat ini adalah Yusuf al-Qaradāwī dalam bukunya Fiqh Zakat.

Walaupun ianya diterima sebagai suatu kewajipan oleh kebanyakan ulama semasa, namun mereka tidak memiliki pandangan yang sama berkaitan syarat haul, nisab dan kadar zakat ini. Ada yang berpandangan bahawa zakat ini tertakluk kepada persyaratan haul dan tidak kurang juga yang pandangan sebaliknya. Begitu juga dengan nisab, kebanyakan mereka mengqiyaskannya kepada zakat emas dan perak iaitu 85 gram emas dan sebahagian yang lain mengqiyaskannya kepada zakat pertanian iaitu 5 *wasaq*. Berkaitan dengan kadar pula kebanyakannya menetapkan 2.5% dari pendapatan bersih dan sebahagiannya menetapkan 5% sampai 10% diqiyaskan kepada zakat pertanian.

Oleh itu, perbezaan pandangan ulama ini telah menyebabkan pelaksanaan pengutipan zakat pendapatan yang beragam di kalangan lembaga-lembaga zakat. Bergantung kepada konsep zakat pendapatan yang diterima pakai oleh lembaga zakat tersebut.

Kami bersetuju dengan pendapat kebanyakan ulama yang telah mewajibkan zakat pendapatan. Tentunya pandangan ini didokong oleh alasan-alasan yang kukuh. Prinsip

dan objek harta kenaan zakat tentunya selalu berkembang dari suatu masa ke masa lain mengikut perkembangan zaman. Oleh itu, ia tidak dilihat secara literal (*harfiyah*) semata-mata, bahkan ia dibicarakan dengan pengistilahan yang lengkap dan dinamik. Muhammad Ghazali berkata: “sesuatu hukum tidak akan tetap jika ianya didasarkan kepada al-Qur’an dan dasar hukum halal dan haram, al-Qur’an merupakan sebuah kitab fiqh yang hidup, bukan sebuah kitab yang membuat hukum-hukum yang terbatas (*mahdūd*).<sup>101</sup>

Mustafa al-Zarqa menyatakan perlunya kepada penyegaran kembali terhadap sebahagian areal zakat dengan tetap konsisten pada konsep yang ada dalam al-Qur’an dan Hadith, hal ini mengingat perubahan sosio-ekonomi masa kini. Salah satu di antaranya yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan perluasan sumber-sumber harta zakat supaya objektif zakat dalam mewujudkan keadilan sosio-ekonomi, pembersihan harta dan jiwa muzakki dapat tercapai.<sup>102</sup>

Mengikut konsep harta yang menjadi sumber zakat, wujud beberapa jenis harta yang secara langsung disebutkan oleh nas al-Qur’an dan Hadith. Seperti emas, perak, kurma, unta, lembu, kambing, barang temuan dan lain sebagainya. Namun nas bersikap terbuka dengan tidak membatasi jenis-jenis tertentu sahaja yang diwajibkan zakat. Dengan demikian nas memberikan ruang kepada harta lain untuk dijadikan sumber zakat. Pengenaan zakat ke atas harta yang tidak disebutkan nas itu dengan menjadikan *illah* pengenaan zakat pada jenis harta yang disebutkan. Maka zakat pendapatan seperti yang kita pahami hari ini boleh kita jadikan konsep harta yang berdaya maju atau kekayaan

---

<sup>101</sup> Muḥammad al-Ghazālī, *Kaifa Nafham al-Islām*, (Kaherah: Dār al-kutub al-Islāmiyyah, 1983), 149.

<sup>102</sup> Mustafā al-Zarqā’ (1984), “Jawānib Min al-Zakāt Tahtāju Ilā Nazar Fiqhi Jadīd”, *journal of research in Islamic Economics* 2, Jeddah: King Abdul Aziz Universiti, no.1 (1983).

sebagai *illah* atas kewajipannya. *illah* ini seperti wujud di dalam pengenaan zakat emas dan perak yang disebutkan nas itu.

Di antara objektif zakat adalah mewujudkan keadilan sosio-ekonomi dalam kalangan masyarakat, pembersihan harta (*purification*) dan penyucian jiwa (*sanctification*) bagi muzakki. Objektif-objektif ini tidak akan tercapai apabila sumber-sumber harta zakat hanya tertumpu pada sumber-sumber tradisional. Kerana kekayaan yang diperolehi oleh masyarakat hari ini tidak hanya dari sumber-sumber tradisional itu. Oleh itu, akan sangat terkesan menjahui keadilan dan keberpihakan Islam apabila mewajibkan zakat kepada petani dengan kadar 5-10% setiap kali menuai dan meninggalkan pendapatan seorang peguam yang pendapatannya jauh lebih besar daripada petani.

Dilihat darisudut kemashlahatan dan kaedah menguntungkan fakir miskin pula, maka zakat pendapatan sangat berperan di dalamnya. Pengutipan zakat dari kalangan orang kaya yang tertakluk kepada zakat pendapatan ini dapat mewujudkan agihan semula pendapatan dalam kalangan masyarakat. Dengan demikian akan mengurangi kesenjangan sosial di antara srata masyarakat. Zakat ini juga tidak dapat dipungkiri dapat membantu fakir miskin secara langsung kerana jumlah koleksi zakat yang meningkat.

Kalau kita boleh menerima konsep ijtihad dalam perluasan sumber zakat, konsep *al-mashlahah*, kaedah yang menguntungkan fakir miskin dan memahami sepenuhnya objektif zakat maka kita akan bersetuju atas kewajaran pengenaan zakat ke atas gaji dan pendapatan professional/bebas. Mengenai perbezaan pandangan ulama dalam tenikal zakat pendapatan, khususnya berkaitan haul, nisab dan kadarnya maka itu dikembalikan

kepada lembaga zakat atau individu untuk menerapkan atau memilih konsep yang sesuai dan mudah untuk diterapkan ataupun dengan mengikuti fatwa atau kebijakan majlis agama tempatan.